


Jilid I
Bil. 24



Hari Isnin
9hb Julai, 1979

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA
SENATE

PARLIMEN KELIMA
Fifth Parliament

PENGGAL PERTAMA
First Session

KANDUNGANNYA

PENGUMUMAN YANG DI-PERTUA:

- Pemilihan Yang di-Pertuan Agong [Ruangan 2353]
- Pemilihan Timbalan Yang di-Pertuan Agong [Ruangan 2354]
- Memperkenankan Akta [Ruangan 2354]
- Warkah Jawapan Duit Yang Maha Mulia Tuanku Zainab binti Tengku Mohamed Petra [Ruangan 2355]
- Mengangkat Sumpah [Ruangan 2356]
- Mengalu-alukan Ahli-ahli Baru [Ruangan 2356]
- Perutusan daripada Dewan Rakyat [Ruangan 2356]

URUSAN MESYUARAT [Ruangan 2357]

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN [Ruangan 2358]

USUL:

- Ucapan Takziab kepada Keluarga Mendiang Tun (Dr) V. T. Sambanthan [Ruangan 2393]

RANG UNDANG-UNDANG:

- Rang Undang-undang Acara Kewangan (Pindaan) [Ruangan 2405]
- Rang Undang-undang Mahkamah Rendah (Pindaan) [Ruangan 2425]
- Rang Undang-undang Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia 1979 [Ruangan 2434]

MALAYSIA

PARLIMEN KELIMA—DEWAN NEGARA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TUN DATO HAJI OMAR YOKE-LIN ONG, S.S.M., P.M.N., S.P.M.S., D.P.M.S. (Dilantik).
- ” Menteri Tak Berpotfolio, DATO HAJI MOHAMED BIN NASIR, S.P.M.K., J.M.N., J.P. (Kelantan).
- ” Menteri Tak Berpotfolio, PENGIRAN OTHMAN BIN HAJI PENGIRAN RAUF (Sabah).
- ” Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK S. O. K. UBAIDULLA, P.S.M., D.P.M.S., J.M.N. (Dilantik).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING (Dilantik).
- ” JENERAL TAN SRI HAJI ABDUL HAMID BIN BIDIN, P.S.M., S.P.M.K., D.I.M.P., J.M.N., P.M.P., P.P.T., P.J.K. (Dilantik).
- ” TUAN HAJI ABDUL LATIP BIN HAJI IDRIS (Dilantik).
- ” TUAN ABDUL RAZAK BIN ABU SAMAH (Dilantik).
- ” TAN SRI DATUK HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSAIN, P.S.M., D.S.W., J.S.M., S.M.P. (Dilantik).
- ” TUAN ABDULLAH BIN SALLEH (Perlis).
- ” TUAN V. V. ABOO, J.S.M., A.M.N., J.P. (Dilantik).
- ” DATUK HAJI ABU BAKAR TITINGAN BIN DAMSANI, S.P.D.K., P.G.D.K., A.D.K., A.M.N. (Dilantik).
- ” DATUK HAJI AHMAD BIN ARSHAD, D.P.M.J., A.M.N., S.M.J. (Johor).
- ” DATUK HAJI AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Dilantik).
- ” TUAN ALEXANDER Y. L. LEE (Dilantik).
- ” TUAN HAJI ARIFFIN BIN HAJI SALLEH K.M.N., S.M.K. (Dilantik).
- ” TUAN HAJI AZLAN KINJAWAN (Dilantik).
- ” DATUK CHONG FOO KHIN, D.S.K.D., K.M.N., P.J.K., P.P.T., J.P. (Negeri Sembilan).
- ” DATUK CHOO CHING HWA, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K., P.P.N., J.P. (Dilantik).
- ” DR. CHOO KOOI FOOK (Dilantik).
- ” TUAN CHUA CHING CHENG, P.J.K., J.P. (Melaka).
- ” DATUK CHUA SONG LIM, S.P.M.J., S.S.I.J., J.M.N., P.I.S., J.P. (Johor).
- ” PUAN DASIMAH DASIR, A.M.N., J.P., P.K.T. (Dilantik).
- ” TUAN HAJI FADZIL BIN AHMAD (Kedah).

Yang Berhormat PUAN HAJAH FATIMAH BINTI HAJI SALIM, A.M.N., P.I.S. (Dilantik).

- „ TUAN T. S. GABRIEL (Dilantik).
- „ DATUK SERI HAJI HUSSEIN BIN MOHD. NOORDIN, S.P.M.P., D.P.M.P., J.M.N., P.J.K., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN IBRAHIM BIN ABDULLAH, A.M.N., A.M.P., P.J.K., J.P. (Perak).
- „ DATO HAJI IBRAHIM BIN HAJI YAACOB, D.P.M.S., J.S.M., P.J.K., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN ISMAIL BIN HASHIM, K.M.N., A.M.N., P.B.M., J.P. (Melaka).
- „ TUAN ISMAIL BIN SHEIKH IBRAHIM, P.P.N. (Perlis).
- „ TUAN JOSEPH UNTING ANAK UMANG, P.B.S. (Sarawak).
- „ TUAN KAM WOON WAH, J.P. (Dilantik).
- „ TUAN KAMARUL ARIFFIN BIN MOHAMED YASSIN (Dilantik).
- „ TUAN HAJI KHALID BIN HAJI ABDULLAH, K.M.N., S.D.K., J.P. (Dilantik).
- „ TAN SRI LEE BOON CHIM, P.S.M., S.M.S. (Dilantik).
- „ TAN SRI DATUK LEE LOY SENG, P.S.M., D.P.M.P., J.P. (Perak).
- „ TUAN M. MAHALINGAM, J.P. (Dilantik).
- „ DATIN HAJAH MAHIMON BINTI HAJI HARUN, S.M.P., A.M.N., J.P. (Pahang).
- „ TUAN HAJI MAHMOUD *alias* MAHMOUD SALIM BIN HAJI MOHAMAD, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Trengganu).
- „ TUAN MICHAEL WONG KUAN LEE (Dilantik).
- „ TUAN HAJI MOHD. AMIN BIN HAJI YAAKUB, P.M.K. (Kelantan).
- „ TAN SRI HAJI MOHD. GHAZALI BIN HAJI JAWI, P.M.N., S.P.C.M., P.N.B.S., S.P.D.K (Dilantik).
- „ DATUK MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ DATUK HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI NORDIN BIN PESAH, A.M.N., J.P., P.J.K. (Negeri Sembilan).
- „ TUAN OH SIEW AUN, J.P. (Pulau Pinang).
- „ DATO HAJI OTHMAN BIN HAJI ABDULLAH, D.P.M.J., P.C.M. (Dilantik).
- „ TOK PANGKU PANDAK HAMID BIN PUTEH JALI, P.J.K. (Dilantik).
- „ DATO PHUA CHENG LEONG J.P. (Pahang).
- „ DATUK V. PONNUSAMY PILLAI, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P., P.J.K., J.P. (Dilantik).
- „ RAJA DATUK NONG CHIK BIN RAJA ISHAK, D.P.M.S., J.S.M., S.M.S., P.J.K. (Selangor).
- „ PUAN RAHMAH BINTI OTHMAN (Dilantik).
- „ TUAN S. I. RAJAH (Dilantik).
- „ PUAN HAJAH SALMAH BINTI SHEIKH HUSSAIN, A.M.N., P.K.T. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI SAMAD BIN SAID (Dilantik).
- „ TAN SRI DATUK DR. C. SINNADURAI, P.S.M., P.S.D., P.N.B.S., D.P.M.P., J.M.N., C.M.B., P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN S. SUBRAMANIAM (Dilantik).

Yang Berhormat DATO SULAIMAN NINAM SHAH (Dilantik).

- „ DATUK SYED HASSAN AIDID, D.P.M.N., J.M.N., P.J.K., J.P. (Pulau Pinang).
- „ TUAN TING MING HIA *alias* TING MING HOI (Sarawak).
- „ PUAN HAJJAH TOM SAODAH BINTI HAJI OTHMAN, A.M.N., P.P.N. (Kedah).
- „ DATUK DR WEE KHOON HOCK, D.P.M.K., A.K., Datuk Kaya Pati (Dilantik).
- „ TUAN WONG KIE NAI (Dilantik).
- „ TUAN YAP PENG *alias* YAP PIAN TAU (Selangor).
- „ TAN SRI DATUK YEH PAO TZU, P.S.M., P.G.D.K., A.M.N. (Sabah).
- „ PUAN ZAWIAH BINTI ABDULLAH, P.J.K., P.P.N. (Trengganu).

DEWAN NEGARA

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara: Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.
Timbalan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.
Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.
Penolong Penyunting: P. B. Menon.
Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.
Louis Yeoh Sim Ngoh.
Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.
Suhor bin Husin.
Amran bin Ahmad.
Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.
Margaret Chye Kim Lian.
Puan Ng Chong Kin.
Puan Kong Yooi Thong.
Juliah binti Awam.
Supiah binti Dewak.
Ismail bin Hassan.
Shamsiah binti Mohd. Yusof.
Kalsom binti Ghazali.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Shariff bin Md. Saad.

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Isnin, 9hb Julai, 1979

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusi-*
kan Mesyuarat)

PENGUMUMAN YANG
DI-PERTUAPEMILIHAN YANG DI-PERTUAN
AGONG

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya ingin memaklumkan bahawa saya telah menerima sepucuk surat bertarikh 25hb April, 1979 daripada Penyimpan Mohor Besar Raja-raja, Malaysia, mengenai pemilihan Yang di-Pertuan Agong dan kandungannya adalah seperti berikut:

“Yang Berhormat
Yang di-Pertua Dewan Negara,
Pejabat Parlimen,
Kuala Lumpur.

Yang Berhormat Tan Sri,

PEMILIHAN YANG DI-PERTUAN
AGONG

Adalah dengan hormatnya saya memaklumkan iaitu mengikut peruntukan Jadual Ketiga kepada Perlembagaan Persekutuan, Majlis Raja-raja dalam Mesyuaratnya Yang Ke 114 diadakan di Istana Negara, Kuala Lumpur pada hari Rabu, 25hb April, 1979 (Hari Yang Pertama) telah bersetuju mengisytiharkan bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah ibni Al-Marhum Sultan Abu Bakar Ri'ayatuddin Al-Mu'adzam Shah, D.K.P., D.K., S.S.A.P., S.I.M.P., D.M.N., D.K. (Perak), D.K. (Johor), D.K. (Kelantan), D.K. (Trengganu), S.P.C.M., S.P.M.J., telah dipilih menjadi Yang di-Pertuan Agong Malaysia selama tempoh lima (5) tahun mulai daripada 26hb April, 1979.”

PEMILIHAN TIMBALAN YANG
DI-PERTUAN AGONG

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya ingin memaklumkan bahawa saya telah menerima sepucuk surat bertarikh 19hb Jun, 1979 daripada Penyimpan Mohor Besar Raja-raja, Malaysia mengenai pemilihan Timbalan Yang di-Pertuan Agong dan kandungannya adalah seperti berikut:

“Yang Berhormat
Yang di-Pertua Dewan Negara,
Pejabat Parlimen,
Kuala Lumpur.

Yang Berhormat Tun,

PEMILIHAN TIMBALAN YANG
DI-PERTUAN AGONG

Adalah dengan hormatnya saya memaklumkan iaitu mengikut peruntukan Jadual Ketiga kepada Periembagaan Persekutuan, Majlis Raja-raja dalam Mesyuaratnya Yang Ke 115 diadakan di Istana Negara, Kuala Lumpur pada hari Selasa, 19hb Jun, 1979 (Khas Hari Yang Pertama) telah bersetuju mengisytiharkan bahawa Duli Yang Maha Mulia Tuanku Ja'afar ibni Al-Marhum Tuanku Abdul Rahman, D.M.N., D.K. (Brunei), D.K. (Kelantan), telah dipilih menjadi Timbalan Yang di-Pertuan Agong Malaysia selama tempoh daripada 19hb Jun, 1979 hingga 25hb April, 1984.”

MEMPERKENANKAN AKTA

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu iaitu Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan limpah kurnia Baginda telah berkenan mempersetujukan Akta yang telah diluluskan oleh Parlimen dalam mesyuarat yang lalu, Akta tersebut ialah Akta Perbekalan Tambahan (1978) 1979.

**WARKAH JAWAPAN DULI YANG
MAHA MULIA TUANKU ZAINAB
BINTI TENGGU MOHAMED PETRA**

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah juga menerima satu warkah daripada Duli Yang Maha Mulia Tuanku Zainab binti Tengku Mohamed Petra, bekas Raja Permaisuri Agong, yang telah berkenan membalas warkah ucapan takziah dari Dewan ini. Kandungan warkah itu adalah seperti berikut:

Warkatul ikhlas watah fatul ajnas iaitu daripada Beta Tuanku Zainab binti Tengku Mohamed Petra, Raja Permaisuri Agong Malaysia.

Mudah-mudahan barang diwasalkan oleh Tuhan Rabbul "alamin ke Majlis Yang Berhormat Tan Sri Datuk Haji Omar Yoke Lin Ong, P.M.N., S.P.M.S., S.P.D.K. D.P.M.S., Yang di-Pertua Dewan Negara Malaysia, yang ada beristirahat al-khir pada masa ini di Bandaraya Kuala Lumpur, dengan beberapa selamat dan kesejahteraannya.

Wabakdah ehwal Beta memaklumkan kepada Tan Sri bahawa surat Tan Sri bertarikh 9hb April tahun 1979 kerana menyampaikan ketetapan yang dibuat oleh Dewan Negara Malaysia di atas kemangkatan Al-Marhum Tuanku Yahya Petra, Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong itu sudahlah Beta terima dengan selamatnya dan Beta adalah mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih jua. Yang demikian Beta mengambil peluang ini mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih Beta kepada Tan Sri kerana ucapan takziah serta rasa sedih ahli-ahli sekalian di atas kemangkatan Al-marhum Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong itu. Beta meminta kelapangan Tan Sri apalah kiranya menyampaikan terima kasih Beta kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian kerana membuat ketetapan yang tulus ikhlas itu.

Sekianlah sahaja Beta maklumkan serta disudahi dengan salam jua, adanya.

Tandatangan:
Tuanku Zainab

Termaktub di Istana Negara,
Kuala Lumpur.

Pada 21 haribulan April, 1979".

MENGANGKAT SUMPAH

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka memaklumkan bahawa Ahli-ahli Yang Berhormat seperti berikut telah mengangkat sumpah di hadapan saya di bilik saya pada 11 haribulan Mei, 1979, menurut Peraturan Mesyuarat 4 (3):

1. Yang Berhormat Tuan Alexander Y. L. Lee; dan
2. Yang Berhormat Dato' Phua Cheng Leong.

**MENGALU-ALUKAN AHLI-AHLI
BARU**

Tuan Yang di-Pertua: Saya ucapkan selamat datang dan tahniah kepada Ahli-ahli tersebut dan berharap semoga Ahli-ahli yang baru dilantik itu akan dapat memberi sumbangan yang berguna dan berfaedah kepada Dewan kita ini dan kepada negara seterusnya.

**PERUTUSAN DARIPADA DEWAN
RAKYAT**

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu Perutusan daripada Dewan Rakyat yang meminta Dewan Negara mempersetujui Rang Undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan tersebut.

Saya jemput Setiausaha membacakan Perutusan itu sekarang.

(Setiausaha membacakan Perutusan)

"29hb Jun, 1979.

Tuan Yang di-Pertua,

Dewan Rakyat telah meluluskan Rang Undang-undang yang berikut dan meminta Dewan Negara mempersetujukannya:

1. Rang Undang-undang Acara Kerajaan (Pindaan);
2. Rang Undang-undang Mahkamah Rendah (Pindaan);
3. Rang Undang-undang Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia;
4. Rang Undang-undang Majlis Sukan Negara Malaysia (Pindaan);
5. Rang Undang-undang Saraan Hakim (Pindaan) (No. 2);

6. Rang Undang-undang Hakcipta (Pindaan);
7. Rang Undang-undang Insurans (Pindaan);
8. Rang Undang-undang Pejabat Pos (Pindaan);
9. Rang Undang-undang Penyelarasan Perindustrian (Pindaan);
10. Rang Undang-undang Peruntukan Diraja (Pindaan);
11. Rang Undang-undang Pencen Khas (Raja Permaisuri Agong);
12. Rang Undang-undang Suruhanjaya-suruhanjaya Perkhidmatan (Pindaan);
13. Rang Undang-undang Suruhanjaya Pilihanraya (Pindaan); dan
14. Rang Undang-undang Akitek (Pindaan).

Tandatangan:
Yang di-Pertua Dewan Rakyat''.

URUSAN MESYUARAT

Menteri Tak Berpotfolio (Dato' Haji Mohamed bin Nasir): Tuan Yang di-Pertua, saya akan mencadangkan supaya Rang Undang-undang yang tersebut di dalam Perutusan itu dibacakan kali yang kedua dan ketiganya di mesyuarat ini.

Rang Undang-undang tersebut adalah seperti di bawah ini:

1. Rang Undang-undang Acara Ke- wangan (Pindaan);
2. Rang Undang-undang Mahkamah Rendah (Pindaan);
3. Rang Undang-undang Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia;
4. Rang Undang-undang Majlis Sukan Negara Malaysia (Pindaan);
5. Rang Undang-undang Saraan Hakim (Pindaan) (No. 2);
6. Rang Undang-undang Hakcipta (Pindaan);
7. Rang Undang-undang Insurans (Pindaan);
8. Rang Undang-undang Pejabat Pos (Pindaan);
9. Rang Undang-undang Penyelarasan Perindustrian (Pindaan);
10. Rang Undang-undang Peruntukan Diraja (Pindaan);

11. Rang Undang-undang Pencen Khas (Raja Permaisuri Agong);
12. Rang Undang-undang Suruhanjaya-suruhanjaya Perkhidmatan (Pindaan);
13. Rang Undang-undang Suruhanjaya Pilihanraya (Pindaan); dan
14. Rang Undang-undang Akitek (Pindaan).

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

LAWATAN PERDANA MENTERI KE REPUBLIK RAKYAT CHINA

1. Puan Hajjah Fatimah binti Haji Salim bertanya kepada Perdana Menteri apakah faedah yang didapati oleh Kerajaan Malaysia hasil dari lawatan beliau ke Republik Rakyat China; dan apakah rundingan yang dijalankan semasa lawatan tersebut.

2. Datuk Haji Ahmad bin Haji Ithnin minta Perdana Menteri menyatakan apakah yang dimaksudkan oleh beliau dengan kerjasama perdagangan dan perindustrian dua hala dengan negara China hasil dari lawatan beliau ke negara tersebut baru-baru ini.

3. Tan Sri Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Husain minta Perdana Menteri menyatakan bilangan ahli dalam rombongan yang melawat negeri Republik Rakyat China dan jumlah perbelanjaan yang terlibat; dan hasil perbincangan beliau dengan pemimpin-pemimpin Republik Rakyat China baru-baru ini dari segi politik, perdagangan dan perhubungan antarabangsa yang menguntungkan Malaysia khususnya dan ASEAN amnya.

20. Tuan Chua Ching Cheng minta Perdana Menteri menyatakan perjanjian-perjanjian ekonomi, kebudayaan dan pelajaran yang telah ditandatangani antara negara kita dengan Republik Rakyat China dalam lawatan rasmi beliau ke Peking baru-baru ini.

23. Tuan S. I. Rajah minta Perdana Menteri menyatakan sama ada kegiatan anasiran-anasir komunis di sepanjang sempadan

Malaysia/Thai dibincangkan semasa lawatan beliau ke Republik Rakyat China; jika ya, nyatakan peranan negara tersebut dalam menjaga keamanan di rantau ini.

28. Tuan S. I. Rajah minta Perdana Menteri menyatakan hasil lawatan beliau ke Republik Rakyat China baru-baru ini dan sama ada perjanjian perdagangan dua-hala telah ditandatangani antara kedua-dua negara.

33. Datuk Haji Ahmad bin Arshad minta Perdana Menteri menyatakan sebab-sebabnya rombongan Malaysia ke Republik Rakyat China yang diketuainya mempunyai banyak anggota dan nyatakan tugas-tugas rombongan itu.

Menteri Tak Berpotfolio (Dato' Haji Mohamed bin Nasir): Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri meminta maaf ia tidak dapat menjawab soalan Ahli Yang Berhormat ini sendiri kerana beliau terpaksa ke Kuala Trengganu hari ini atas urusan penting. Beliau telah meminta saya menyampaikan jawapan bagi pihaknya.

Izinkan saya menjawab soalan Ahli Yang Berhormat ini bersama dengan soalan-soalan No. 2 dari Yang Berhormat Datuk Haji Ahmad Haji Ithnin, No. 3 dari Yang Berhormat Tan Sri Haji Abdul Razak Husain, No. 20 dari Yang Berhormat Tuan Chua Ching Cheng, No. 23 dan No. 28 dari Yang Berhormat Tuan S. I. Rajah dan soalan No. 33 dari Yang Berhormat Datuk Haji Ahmad bin Arshad, kerana semua soalan-soalan itu adalah mengenai lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke Republik Rakyat China.

Tuan Yang di-Pertua: Diizinkan.

Dato' Haji Mohamed bin Nasir: Lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke Republik Rakyat China dari 2hb hingga 9hb Mei, 1979 ialah atas undangan Kerajaan negara itu dan juga sebagai membalas lawatan Naib Perdana Menteri Teng Hsiau Peng ke Malaysia pada penghujung tahun 1978.

Tuan Yang di-Pertua, rombongan yang menyertai Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam lawatannya itu mengandungi beberapa orang Menteri, pegawai-pegawai dari Kementerian-kementerian, serta juga wakil-wakil pihak perdagangan dan perindustrian swasta.

Tujuan lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke Republik Rakyat China itu ialah untuk mengunjungi dan berkenalan dengan pemimpin-pemimpin negara itu dan berbincang serta bertukar-tukar fikiran mengenai masalah-masalah antarabangsa dan masalah-masalah serantau yang ada kaitan dengan kepentingan kedua-dua negara, serta dalam bidang-bidang hubungan dua hala antara Malaysia dan Republik Rakyat China.

Dalam lawatan tersebut, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah berpeluang melihat secara dekat sistem politik dan sosial Republik Rakyat China dan cara pemerintahan Kerajaannya. Beliau telah juga dapat melihat bagaimana negara itu mengendalikan sistem ekonominya

Tuan Yang di-Pertua, banyak sudah perubahan yang berlaku di kedua-dua negara, di Asia Tenggara, di Benua Asia dan di seluruh dunia amnya, semenjak lawatan Allahyarham Tun Abdul Razak ke Republik Rakyat China kira-kira lima tahun dahulu. Dengan demikian, lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri itu adalah mustahak dan besar maknanya.

Di bawah pucuk pimpinan barunya, Republik Rakyat China telah menunjukkan sikap yang baru pula dan mempunyai pandangan yang lebih luas lagi terhadap masalah-masalah antarabangsa dan serantau. Sebagai sebuah negara yang besar dan berpengaruh, maka sudah tentulah dasar dan aktiviti-aktiviti Republik Rakyat China akan memberi kesan ke seluruh dunia, khususnya kepada negara-negara jiran dan serantau.

Oleh sebab itu, adalah mustahak bagi Malaysia mengetahui serta memahami sikap dan pendirian negara itu, terutama di dalam perkara-perkara yang menyentuh kepentingan negara kita. Di dalam perbincangannya dengan pemimpin-pemimpin negara itu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah diberitahu tentang pendirian negara itu terhadap beberapa perkembangan antarabangsa dan serantau, dan beliau telah dapat memahami aktiviti negara itu mengenai perkara-perkara tersebut. Di sebaliknya, untuk kepentingan Malaysia sendiri Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pula telah menerangkan kepada pemimpin-pemimpin negara itu tentang sikap dan pendirian Malaysia mengenai masalah-masalah tersebut.

Di dalam perkembangan politik antara-bangsa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah berbincang dengan pemimpin-pemimpin Republik Rakyat China mengenai pergolakan-pergolakan di Asia Barat, Selatan Afrika dan hubungan antara kuasa-kuasa besar, serta peranan mereka di arena antara-bangsa. Hasrat negara-negara membangun untuk mewujudkan dasar ekonomi antara-bangsa yang baru, dan masalah-masalah mereka dalam hubungan dengan negara-negara maju di bidang ekonomi, telah juga dibincangkan.

Berhubung dengan masalah serantau, mereka telah bertukar-tukar fikiran dan pendapat mengenai pergolakan di Indonesia. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menyatakan bahawa Malaysia dan rakan-rakan di dalam ASEAN adalah memandang berat dan berasa kkuatir di atas pergolakan itu, dan meminta pihak-pihak yang terlibat supaya menunjukkan kesabaran dan tidak memperluaskan lagi pergolakan itu. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah juga menjelaskan dan menegaskan lagi konsep dan matlamat ASEAN untuk menjadikan Asia Tenggara ini sebagai kawasan aman, bebas dan berkecuali. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri membuat tanggapan bahawa pemimpin-pemimpin Republik Rakyat China adalah memahami dan menghormati pendirian dan pendapat Malaysia itu.

Di dalam hubungan dua hala, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengulangi dan menegaskan bahawa asas perhubungan antara Malaysia dan Republik Rakyat China adalah berdasarkan kepada Kenyataan Bersama 1974, yang telah ditandatangani oleh Allahyarham Tun Abdul Razak bersama mendiang Chou En Lai. Pemimpin Republik Rakyat China telah menyatakan bahawa mereka akan terus menghormati atas perhubungan di dalam Kenyataan Bersama itu. Mereka telah juga membincangkan hubungan dua hala di bidang perdagangan, kebudayaan dan sukan.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah memberitahu pemimpin-pemimpin Republik Rakyat China bahawa dewasa ini kebanyakan dagangan Republik Rakyat China Malaysia adalah melalui negara-negara ketiga. Oleh itu, kedua-dua negara hendaklah menambahkan lagi dagangan terus di antara mereka. Pemimpin-pemimpin Republik Rakyat China juga memahami hasrat Malaysia

untuk memperimbangkan dagangan di antara kedua-dua buah negara yang sekarang ini adalah lebih menguntungkan pihak Republik Rakyat China. Republik Rakyat China di dalam program memodenkan dan mengembangkan industrinya, memerlukan barang-barang mentah seperti getah, bijih timah dan kelapa sawit, yang sejumlah besarnya boleh dibeli dari Malaysia, Malaysia pula boleh menambahkan pembelian barang-barang makanan dan perindustrian dari Republik itu. Dari perbincangan-perbincangan itu, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berasa yakin dagangan di antara kedua-dua negara akan bertambah dari masa ke semasa.

Kedua-dua buah negara telah juga bersetuju untuk mengkaji bagaimana meningkatkan lagi kerjasama ekonomi dan teknik untuk manfaat kedua-dua buah negara. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah memberitahu pemimpin-pemimpin Republik Rakyat China bahawa Malaysia sedia membantunya, terutama dengan memberi khidmat pakar di bidang perindustrian getah, kelapa sawit dan bijih timah. Adalah diharapkan bantuan pakar dalam bidang-bidang itu akan dapat menambahkan perdagangan Malaysia dalam barang-barang mentah.

Wakil-wakil dari industri getah, kelapa sawit dan pegawai-pegawai dari Dewan Perniagaan dan Persatuan Pengeluar, yang turut dalam rombongan itu telah membuat hubungan dan mengadakan perbincangan dengan pihak Republik Rakyat China. Pertemuan seperti itu adalah perlu untuk mengkaji jalan-jalan bagi menambahkan perniagaan. Adalah difahamkan wakil-wakil Malaysia itu telah dapat memahami dengan lebih mendalam keadaan pasaran yang terdapat di Republik Rakyat China. Adalah diharapkan perbincangan awal itu akan diikuti pula dengan perjumpaan dan perbincangan yang lebih mendalam lagi di bidang-bidang yang diminati dan seterusnya dapat dilaksanakan. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berasa yakin bahawa perdagangan di antara kedua buah negara akan terus berkembang.

Pemimpin kedua-dua buah negara telah juga bersetuju untuk meningkatkan dan menggalakkan lagi pertukaran-pertukaran di bidang sukan dan kebudayaan, untuk menjalin hubungan muhibbah di antara kedua belah pihak.

Tiada apa-apa perjanjian telah ditandatangani semasa lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke Republik Rakyat China itu. Walau bagaimanapun, pihak pegawai-pegawai kita telah menerima rangka Perjanjian Perdagangan dan Perjanjian Udara dari pihak Republik Rakyat China. Rangka-rangka Perjanjian itu masih di dalam kajian sekarang.

Mengenai soal kegiatan anasir-anasir komunis di sempadan Malaysia/Thailand, perkara ini tidak dibincangkan. Ini adalah sejajar dengan prinsip di dalam Kenyataan Bersama 1974, di mana kedua-dua buah negara tidak akan mencampuri hal ehwal negeri masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, kesimpulannya daripada jawapan ini melalui lawatan itu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah dapat berkenal-kenalan dan menjalinkan rasa muhibbah dengan pucuk pimpinan baru Republik Rakyat China telah memahami serta menghormati pendirian kita mengenai masalah-masalah antarabangsa, serantau dan perhubungan dua hala.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Kita telah mendengar jawapan yang begitu panjang lebar dalam masalah soalan-soalan ini. Ingin saya membuat soalan tambahan, adakah benar bahawa tidak boleh dimaksudkan lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke negeri China itu sebagai lawatan muhibbah, hanya boleh dikatakan pertukaran lawatan.

Yang kedua, bagaimana sikap Malaysia boleh menjadi jurucakap ASEAN padahal dua negara ASEAN tidak ada hubungan diplomatik dengan Republik Rakyat China seperti Indonesia dan Singapura. Adakah jurucakap Malaysia itu dapat diterima atau diiktiraf oleh Kerajaan yang besar itu?

Dato' Haji Mohamed bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, mengikut jawapan yang telah saya berikan itu lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bukanlah mewakili negeri-negeri lain. Hanya adalah satu lawatan persahabatan sebagai satu sambungan lawatan yang telah dibuat oleh Allahyarham Tun Abdul Razak.

Tuan T. S. Gabriel: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Lawatan rasmi yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana

Menteri ke Republik Rakyat China ialah masa kawasan Asia Tenggara adalah di dalam keadaan amat merbahaya. Oleh kerana itu rakyat ingin tahu, adakah Perdana Menteri kita mencadangkan kepada Kerajaan Republik Rakyat China mengenai pendatang-pendatang haram yang datang daripada Vietnam yang kebanyakan daripadanya ialah kaum China, supaya Kerajaan China menerima atau bertanggungjawab di atas pendatang-pendatang haram dan bukan Malaysia.

Kedua, memandangkan keselamatan dalam kawasan Asia Tenggara selepas Kerajaan Pol Pot telahpun jatuh kepada satu Kerajaan pro-Vietnam, adakah Kerajaan Malaysia bercadang atau meminta kerjasama dengan Kerajaan-kerajaan ASEAN jika sesuatu serangan dibuat daripada Kampuchea ke Thailand. Bagaimanakah pandangan dan pendirian Republik Rakyat China terhadap serangan ini oleh sebab jika ada sesuatu serangan keseluruhan kawasan Asia Tenggara akan terlibat.

Dato' Haji Mohamed bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, mengikut apa yang telah diuraikan dalam jawapan saya tadi soalan-soalan yang besar seperti dua perkara yang telah dikemukakan itu tidak dibayangkan bahawa soalan itu dibincangkan, mungkin perkara itu telah dibincangkan tetapi dari segi security dan sebagainya.

Dalam keadaan peperangan yang berlaku di antara Vietnam dengan Republik Rakyat China, ini merupakan satu peperangan di antara kedua-dua buah negara yang pada masa sekarang ada baiknya bagi pihak negara kita Malaysia tidak campurtangan dalam soal negeri orang, kerana ini adalah dasar kita yang sangat penting, iaitu dasar aman, bebas dan tidak campurtangan dalam soal-soal dalam negeri orang.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Dasar kita iaitu bebas, aman dan berkecuali seperti yang telah diterangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kepada pemimpin Komunis China semasa lawatannya baru-baru ini di mana kita juga tidak masuk campur di atas sistem Kerajaan China pada hari ini. Sama ada sistemnya sistem sosialis, komunis atau kapitalis, itu kita tidak campur. Kita tahu iaitu selama 30 tahun yang lalu negeri kita ini huru-hara

sehingga hari ini, masih lagi berperang dengan pihak komunis dan kita tidak boleh nafikan iaitu Kerajaan China Komunis adalah menyokong bukan dari segi kewangan, senjata atau sebagainya, tetapi kita tahu iaitu Kerajaan Parti Komunis negeri China adalah menyokong Parti Komunis Malaya yang dipimpin oleh Chin Peng. Kita juga tahu iaitu radio sulit Parti Komunis Malaya ini ada di Selatan Negeri China, ini adalah satu perkara yang penting kepada negeri kita. Jadi ada atau tidak perkara yang begini penting selama hari ini walaupun telah dua kali Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita pergi ke Peking merundingkan perkara ini. Waktu Perdana Menteri China datang ke mari beliau menyatakan Parti Komunis dengan Kerajaan Komunis adalah lain, itu tidak boleh dicampur-aduk, tetapi Parti Komunis itu adalah memerintah Negeri China, jadi ada atau tidak perkara ini dirundingkan secara ikhlas.

Dato' Haji Mohamed bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana saya diminta membaca jawapan yang dibuat oleh Perdana Menteri dalam masalah yang sangat penting ini, saya tidak dapat hendak memberi jawapan dalam soal-soal yang sangat penting itu. Dan soal-soal mengenai keselamatan negara ini, mungkin ada, mungkin tidak ada dibincangkan di Republik Rakyat China, tetapi bagi diri saya, saya tidak bersedia membuat commitment dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Haji Mohd. Amin bin Haji Yaakub: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya hendak tahu kalau boleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan menerangkan rombongan yang ikut serta seperti Kementerian-kementerian lain dalam rombongan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke negara Republik Rakyat China itu, bolehkah Yang Berhormat Menteri menerangkan Kementerian mana yang ikut serta dalam rombongan itu. Dan bolehkah pihak Kementerian yang terlibat ikut serta itu tolong menjawab soal-soal tambahan, sebab Kementerian yang ikut serta itu barangkali lebih tahu dalam urusan-urusan yang telah berlaku dalam rombongan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri itu, itu pertanyaan saya.

Dato' Haji Mohamed bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, rombongan yang melawat Republik Rakyat China bersama dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita

adalah terdiri daripada pegawai-pegawai Kementerian Luar Negeri, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan Kementerian Perdagangan dan Perindustrian. Dalam soal politik, saya rasa mereka tidak bertanggungjawab untuk memberi keterangan di dalam soal ini, mungkin mereka boleh memberi keterangan dalam soal perniagaan, perdagangan dan sebagainya.

Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Alhaj: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya memberi penerangan sedikit. Tadi Yang Berhormat Dato' Mohamed Nasir telah menerangkan iaitu rombongan yang ikut serta mengandungi banyak Kementerian-kementerian, salah satu daripadanya ialah Kementerian saya. Rundingan-rundingan itu seperti mana yang telah diterangkan tadi termasuklah rundingan ekonomi, kerjasama dan sebagainya, maka Kementerian-kementerian yang berkenaan ini termasuklah Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, Kementerian Perusahaan Utama, EPU dan juga Kementerian Luar Negeri, iaitu Kementerian yang berkenaan.

SISTEM PAJAK GADAI—KAJIAN

4. Tuan Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamad minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sama ada beliau akan meminta mana-mana institusi seperti Universiti Malaya, untuk membuat kajian menyeluruh sama ada sistem pajak gadai patut diterus atau direntikan.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' S. Samy Vellu): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya tidak bercadang untuk meminta mana-mana institusi seperti Universiti Malaya membuat kajian yang menyeluruh sama ada sistem pajak gadai patut diteruskan atau sebaliknya. Ini adalah kerana Kementerian saya mempunyai tenaga yang cukup dan mampu untuk membuat kajian yang dimaksudkan itu, malah untuk pengetahuan Yang Berhormat kajian telahpun dimulakan sejak 1.3.79 yang lalu dan sedang berjalan sekarang.

Borang-borang kajian telahpun diedarkan kepada pihak Kerajaan Negeri, pemegang-pemegang lesen pajak gadai, persatuan-persatuan pengguna, persatuan-persatuan pajak gadai dan kepada orang ramai meminta masing-masing pihak memberikan pandangan

serta syor masing-masing. Sehingga ini Kementerian saya masih lagi menunggu jawapan daripada pihak yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk maklum Ahli Yang Berhormat, institusi pajak gadai-pajak-gadai ini telah mula dikuatkuasakan di negara ini sejak tahun 1871 lagi dan ianya merupakan satu institusi kewangan yang penting bagi mereka yang berpendapatan rendah dan memerlukan pinjaman kewangan untuk satu-satu tujuan yang mendesak dan segera. Pinjaman-pinjaman dapat diluluskan dengan begitu segera tanpa banyak formaliti seperti yang diberikan oleh lain-lain institusi kewangan. Kementerian saya berpendapat masanya belum lagi tiba di mana institusi pajak gadai ini perlu dihapuskan. Cuma yang difikirkan perlu ialah memperbaiki lagi perjalanan kedai-kedai pajak gadai ini dan Kementerian saya sedang bergerak ke arah ini.

Tuan Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memajukan beberapa soalan tambahan lagi kepada Timbalan Menteri yang berkenaan. Sistem pajak gadai sebagaimana yang dikatakan tadi telah bermula di negara kita dari semenjak tahun 1871 sehingga sekarang, bererti sudah 100 tahun lebih, sudah tentulah sistem ini adalah sistem yang dibawa oleh penjajah British dahulu.

Saya tumpang bertanya sekarang ini dengan sistem yang ada di negara kita ini oleh Kerajaan Barisan Nasional sekarang ini mengadakan sistem-sistem yang lebih daripada pajak gadai yang menguntungkan rakyat, seumpama MARA, RISDA dan berbagai-bagai institusi-institusi yang menguntungkan rakyat. Jadi dengan adanya sistem-sistem baru yang ditubuhkan oleh Kerajaan ini adakah sistem pajak gadai yang telah ditubuhkan oleh penjajah semenjak 100 tahun dahulu itu masih lagi pada pendapat Kementerian ini berguna untuk dilangsungkan di negeri ini.

Kedua, sebagaimana yang dikatakan tadi pihak Kementerian telahpun mengadakan surat pada 1hb Mac, 1979 kepada banyak pihak untuk memberi jawapan di atas soalan-soalannya. Saya mahu bertanya jawapan yang diminta daripada pihak-pihak yang berkenaan itu untuk apa? Adakah kerana hendak membuat kajian supaya pajak gadai ini dihapuskan ataupun untuk

membaiki cara-cara pajak gadai kerana di dalam jawapan yang diberi oleh pihak Kementerian tadi mengatakan sistem pajak gadai yang ada pada hari ini menolong kepada pihak-pihak berpendapatan rendah, kepada saya tidak. Saya katakan ini adalah satu bebanan, bukan satu pertolongan kepada pihak yang berpendapatan rendah tetapi ini adalah satu "cekek" kepada pihak berpendapatan rendah

Tuan Yang di-Pertua: Ini bukan soalan!

Tuan Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamad: Siapa yang pergi gadai itu barang-barangnya akan lelap, dengan sebab itu saya bertanya tadi.

Satu lagi, Tuan Yang di-Pertua, saya minta dengan sebab di dalam negara kita ini ada 5 universiti, tiap-tiap universiti itu ada fakulti yang berhubung dengan ekonominya, jadi mengapa pihak Kementerian ini tidak rujuk kepada Fakulti Ekonomi. 5 buah universiti yang ada di negara kita supaya memberi pendapatnya di dalam perkara yang sangat serius ini.

Dato' S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya katakan tadi ialah perjalanan sistem pajak gadai ini bermula daripada tahun 1871 tetapi setakat ini kita ada juga perkenalkan lebih kurang 8 Akta bagi seluruh Kerajaan-kerajaan Negeri dan sistem itulah kita ikut sampai masa sekarang. Selepas tahun 1978, iaitu bulan Oktober, Kementerian saya telah terima banyak pengaduan daripada rakyat jelata, selepas itu sahajalah kita telah jalankan kajian dan juga satu siasatan di atas perkara ini. Saya harap tidak lama lagi Kementerian saya akan menimbang untuk mengadakan satu Akta baru atas perkara ini.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kalau inilah maksud Kerajaan bahawa Kerajaan lebih suka sistem pajak gadai itu diteruskan dalam negeri ini.

Kedua, saya hendak bertanya pihak Kerajaan Pusat telah membuat Akta berhubung dengan pajak gadai ini, apa faedah-faedahnya yang didapati oleh Kerajaan Pusat daripada Kerajaan Negeri dengan cukai-cukai yang didapati daripada pajak gadai ini.

Dato' S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, mengikut Akta-akta yang ada sekarang saya harap faedah-faedah daripada kedai pajak gadai ini tidak boleh sampai kepada Kementerian saya sendiri tetapi melalui Kerajaan Negeri sahaja. Walaupun mengikut undang-undang kita ada kuasa, tetapi kuasa itu kita beri kepada Kerajaan Negeri—itu yang pertama.

Yang kedua, faedah kepada rakyat daripada pajak gadai ini ialah kepada orang berpendapatan rendah yang paling susah ada meminta duit daripada institusi-institusi kewangan. Sebab itu kita akan menjalankan dan menyasat untuk mengadakan satu sistem dengan taraf lebih baik dan juga kita jaga harta-harta rakyat jelata yang ada di dalam negara kita ini.

Tuan Haji Khalid bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, di dalam jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi mengatakan bahawa Jabatannya mempunyai kakitangan yang cukup, oleh itu tidak perlu perkara itu dirujuk kepada mana-mana institusi yang lain. Begitu juga kita faham bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga ada menyebutkan bahawa Kerajaan hari ini ialah "Kerajaan Rakyat". Saya hendak bertanya adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri tahu bahawa rakyat yang berpendapatan rendah sekali yang manakala menggadai kain pelekat atau kain batek dengan harga \$2.50 akan membayar 50 sen harga surat gadai?

Yang kedua, mereka inilah yang membayar interest yang tinggi sekali, iaitu sebanyak 24%. Adakah ini membayangkan corak sebuah Kerajaan Rakyat yang mana kata Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi belum sampai masanya untuk kita hendak mengubah sistem itu.

Dato' S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya sedar masalah-masalah yang sudah ada sekarang, sebab itulah Kementerian saya berhubung dengan pihak-pihak agensi Kerajaan telah mengadakan satu kajian atas perkara ini. Saya harap tidak lama lagi kita boleh selesaikan masalah yang ada sekarang.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, satu sahaja soalan tambahan saya kalau boleh. Saya hendak bertanya daripada tahun 1871 iaitu di zaman barangkali Sir Francis Light di Pulau Pinang

tetapi Selangor belum lagi. Saya hendak bertanya kerana saya pun masa dahulu ada juga menggadai dan saya tahu bagaimana pajak gadai ini. Ada atau tidak Yang Berhormat Timbalan Menteri menengok kertas pajak gadai ini? Kalau ada nanti, jawab ada. Kertas ini cukup nipis, tulisannya pun tak nampak, baik tulisan Melayu, tulisan Cina, tulisan India pun tak nampak. Dengan sebab itu kertas sudah nipis bila sahaja masuk poket dia pun koyak, langsung hilang. Tidak usahkan keuntungan atau kerugian dikaji tetapi boleh atau tidak Kementerian ini buat ini dahulu supaya kertas ini tebal dan apa perkataan di dalam itu dinyatakan betul-betul.

Dato' S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, saya ambil perhatian perkara ini dan saya ada juga melalui Kementerian saya memberi arahan kepada tiap-tiap Kerajaan Negeri untuk menjaga perkara ini, iaitu resit, faedah, bunga dan lain-lain, itu semua ada dalam kajian. Saya harap apa yang saya katakan tadi kita boleh juga selesaikan perkara ini tidak lama lagi sebab kita baru sahaja menjalankan semua kajian atas perkara ini.

KEDUTAAN MALAYSIA DI LUAR NEGERI

5. Tuan Ibrahim bin Abdullah minta Menteri Luar Negeri menyatakan asas untuk penempatan Kedutaan Malaysia di luar negeri.

Menteri Luar Negeri (Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-haj): Tuan Yang di-Pertua, bagi makluman Ahli Yang Berhormat, beberapa fakta perlu diteliti sebelum sesebuah pejabat perwakilan diplomatik ditubuhkan di seberang laut. Keperluan hubungan politik, ekonomi dan konsular adalah merupakan asas pertama bagi penubuhan pejabat-pejabat perwakilan-perwakilan ini. Sesebuah perwakilan itu akan ditubuhkan selagi ianya dianggap dapat membantu dalam mengukuhkan hubungan-hubungan politik, ekonomi dan kebudayaan kita dengan sesebuah negara lain.

Tuan Ibrahim bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Ada 4 soalan kait-mengait. Pertama, adakah seseorang duta itu lama diberi tugas di satu-satu negara lain—3 tahun, 5 tahun atau berapa tahun?

Kedua, adakah kita melantik Duta Malaysia di negara yang paling hangat yang semua mata 12 million bertumpu, iaitu ke Vietnam. Adakah Duta kita ke sana, siapa nama Duta itu; dan jika tiada, mengapa Duta Vietnam ada di sini, mengapa Duta kita tidak dihantar ke Vietnam?

Ketiga, jikalau ada Duta kita di sana, apakah usaha-usaha di dalam mengatasi perkara yang amat serius, yang boleh dikatakan amat genting, satu ujian yang paling pahit yang saya rasa di negara kita pada masa ini, iaitu pelarian Vietnam yang begitu ramai. Apakah usaha yang telah dibuatnya terus-terusan kepada Ketua-ketua negara atau orang yang bertanggungjawab dalam Vietnam kerana rakyat yang datang mengacau-bilaukan negara kita ini adalah rakyat Vietnam, tanggungjawab Vietnam. Jadi apa usaha Duta kita atau adakah tidur di sana atau beralah, ia kata jangan campur dalam hal ini, ini adalah hal mereka, Duta kita diam sahaja.

Yang keempat, adakah Yang Berhormat Menteri Luar bersetuju Duta kita yang semacam ini, saya rasa tidak begitu aktif atau berkaliiber, ditukar sahaja dan diganti dengan seorang yang aktif dan berkaliiber?

Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-haj: Tuan Yang di-Pertua, berapa tahun seorang Duta kita ditempatkan di sebuah negara tidaklah tetap. Daripada satu masa ke satu masa kita men'bangkan dan membuatkan pertukaran; kebiasaannya tiap-tiap Duta ditempatkan di tiap-tiap satu negara di antara 2-3 tahun, tetapi tidak ada satu yang tetap yang mengatakan berapa tahun. Oleh sebab kita telahpun mengadakan perhubungan dengan Vietnam kita ada Duta kita di Hanoi dan namanya ialah Encik Kamil. Beliau telahpun berada di sana lebih kurang hampir setahun.

Saya suka mengatakan iaitu beliau adalah seorang career diplomat dan pada pandangan kita beliau telahpun menjalankan tugas-tugasnya dengan memuaskan.

Saya rasa bersabit dengan pendatang-pendatang haram ini sentiasa kita mengadakan perbincangan dengan negara itu kerana kita ada hubungan diplomatik dan usaha-usaha ada dibuat daripada satu masa ke satu masa dan memberikan penjelasan-penjelasan di atas kesulitan dan kesukaran, beban yang

ditimpakan kepada kita. Ini telahpun diterangkan seperti mana penjelasan-penjelasan yang dibuat oleh pemimpin-pemimpin kita di negara ini. Maka saya rasa pihak saya sangatlah puas hati di atas tugasnya di sana.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apa dia kelayakan atau karya-karya yang layak seseorang itu diangkat jadi Duta, sama ada bidang profesionalnya atau ahli-ahli politik yang veteran kita hantarkan dia jadi Duta atau Pesuruhanjaya di tiap-tiap negeri.

Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-haj: Tuan Yang di-Pertua, kelayakan itu banyak. Apa yang penting ialah kita berasa mereka itu boleh memberikan tanggungjawab yang sebenar mewakili negara kita, dan kalau kita puas hati maka mereka itu dilantik menjadi Duta.

Tuan Haji Khalid bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya hanya hendak meminta satu sahaja soalan, iaitu semenjak tamatnya perkhidmatan Duta kita di Iran, adakah Duta yang baru telah dilantik? Kalau tidak dilantik, belum diputuskan, mungkin-kah dapat penjelasan kenapakah kelambatan ini telah berlaku.

Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-haj: Tuan Yang di-Pertua, buat masa sekarang ini tidak ada Duta di Iran dan kita mengadakan Charge-d'affaires. Ini adalah menjadi kebiasaan dari satu masa ke satu masa. Kita tidak menempatkan dengan sertamerta Duta itu diganti apabila tamatnya perkhidmatan Duta yang lepas.

LEMBAGA URUSAN DAN TABUNG HAJI—JEMAAH HAJI

6. Datuk Haji Abu Bakar Titingan bin Damsani minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Lembaga Urusan Tabung Haji ditubuhkan semata-mata untuk menguruskan urusan jemaah bakal-bakal haji ataupun selain daripada itu dibenarkan untuk mencari keuntungan seperti syarikat-syarikat yang lain.

Dato' Haji Mohamed bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebagaimana yang jelas diperuntukkan di dalam Akta Lembaga Urusan dan Tabung Haji tahun 1969, penubuhan

Lembaga Urusan dan Tabung Haji adalah dengan tujuan untuk menguruskan suatu kumpulan wang bagi menyelenggarakan dan menggunakan wang simpanan bagi maksud perlindungan, pengawalan dan kebajikan am orang-orang yang menunaikan Haji ke Hijaz dan perkara-perkara yang berkaitan dengan nya.

Selanjutnya Perkara 23 dalam Akta yang sama menyatakan bahawa asset Kumpulan-wang itu hendaklah, setakat yang tidak dikehendaki untuk dibelanjakan oleh Lembaga di bawah Akta ini, dilabur mengikut cara yang difikirkan patut oleh Lembaga.

Maka dengan adanya peraturan-peraturan seperti yang tersebut di atas di dalam undang-undang yang menubuhkan Tabung Haji nyatalah iaitu tugas utama Lembaga ialah mengendalikan Jemaah Haji ke Arab Saudi. Ini sesuai dengan firman Tuhan dalam Quran, pohon izin: "Maanis-tata'ilaihi sabila." Segala usaha-usaha yang dijalankan oleh Kerajaan ialah hendak menyempurnakan hasrat, kehendak Tuhan itu sendiri. Wang simpanan pendeposit yang tidak digunakan untuk urusan Haji ini adalah dilabur oleh Lembaga menurut kaedah-kaedah yang halal di sisi Ugama Islam. Dalam urusan pelaburan ini Lembaga mencari keuntungan supaya keuntungan ini boleh dibahagi-bahagikan kepada pendeposit Tabung Haji itu sendiri.

Sehingga hari ini Lembaga berusaha untuk mencapai kedua-dua matlamat tersebut di atas iaitu mengendalikan urusan Jemaah Haji Malaysia ke Mekah dan di samping itu mengambil bahagian cergas di dalam bidang pelaburan. Lembaga mempunyai kepentingan dalam syarikat-syarikat perusahaan dan perindustrian, tanah dan bangunan dan juga perladangan. Sebagai contoh pada akhir tahun 1978 Lembaga dapat membayar keuntungan kepada penyimpan-penyimpan menurut kadar $7\frac{1}{2}\%$.

FILEM YANG DIALIHBAHASA KE BAHASA MALAYSIA

7. Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak minta Menteri Penerangan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa penonton-penonton TV tidak puashati dengan filem-filem yang dialihbahasakan ke Bahasa Malaysia jika sedar nyatakan sama ada sarikata seperti yang dibuat untuk filem India dan China akan digunakan.

Timbalan Menteri Penerangan (Dr Ling Liong Sik): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Penerangan sedar bahawa mutu alih suara yang dikendali oleh TV Malaysia belum mencapai taraf yang memuaskan oleh kerana kekurangan kakitangan dan peralatan. Walau bagaimanapun usaha sedang dibuat untuk meninggikan lagi mutu alih suara pada masa hadapan.

Sayugia dimaklumkan filem yang dialih suara terdiri dari filem yang penerbit asalnya dalam bahasa Arab, Jepun dan Tagalog. Filem dalam bahasa Inggeris kecuali filem rencana tidak dialih suarakan tetapi diberi sarikata di dalam Bahasa Malaysia.

PELABURAN KE MALAYSIA

8. Dato' Haji Ibrahim bin Haji Yaacob minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan negara-negara Eropah yang dilawati oleh beliau untuk menarik pelaburan ke Malaysia serta jenis perusahaan yang akan dibawa ke negara ini.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato' Lew Sip Hon): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Menteri Perdagangan dan Perindustrian telah mengetahui Rombongan Galakan Pelaburan ke negara-negara Eropah pada tahun 1978 di mana seminar-seminar tersebut telah diadakan di bandar-bandar Birmingham, Frankfurt, Paris dan Copenhagen dan pada tahun 1979 beliau telah juga mengetahui satu rombongan yang sama ke negara-negara Eropah di bandar-bandar Manchester, Munich dan Milan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, lawatan ke negara-negara Eropah pada tahun lepas bolehlah dikatakan mencapai kejayaan yang memuaskan. Sejak lawatan tersebut Kementerian saya telah meluluskan 11 projek-projek baru. Dari jumlah 11 buah projek-projek itu, 6 buah projek adalah dari United Kingdom, 2 buah dari German Barat, 2 buah dari negeri Perancis dan satu dari Scandinavia. Pelaburan modal dalam 11 buah projek ini adalah untuk mengeluarkan barang-barang yang berasaskan kelapa sawit (seperti "crude olein and stearin, acid oil, fatty acid distillates, vegetable ghee/vanaspati and palm kernel oil and cake"), keluaran "knockdown furniture", keluaran "prefabricated timber houses", keluaran

barang-barang elektrik (seperti switch, gear, cubicles, etc. wiring harnesses), dan juga keluaran "fruit juices, coconut coir fibre, car seat covers, asphalt roofing sheets and ridges" and "gloves".

Mengenai rombongan pelaburan ke negara-negara Eropah baru-baru ini, sukalah saya memaklumkan iaitu masanya adalah terlalu awal untuk menyatakan cadangan-cadangan yang konkrit. Walau bagaimanapun, sukalah saya memaklumkan iaitu semasa lawatan tersebut ahli-ahli rombongan telah mengadakan perbincangan-perbincangan perseorangan mengenai projek-projek tertentu dengan 10 buah syarikat dari United Kingdom, 7 dari Jerman Barat dan 6 dari Itali. Syarikat-syarikat tersebut telah menyatakan minat mereka di dalam projek-projek mengeluarkan barang-barang elektrik dan elektronik, kimia dan barang-barang kimia, "footwear", paip logam yang berbentuk, barang-barang tekstail, barang-barang makanan, barang-barang bukan logam, "steel rolling metals, vitrified clay pipes, electric switching equipment", barang-barang getah dan barang-barang dari kertas. Sungguhpun syarikat-syarikat di atas telah menyatakan minat mereka untuk membuat pelaburan di Malaysia, mereka belum lagi menghantar wakil-wakil untuk membuat kajian mungkinsuai mengenai projek cadangan mereka di sini dan ini sudah tentu akan menunggu masa sahaja sebelum mereka datang dengan cadangan-cadangan yang lebih nyata. Sementara itu Kerajaan tidak membuang masa di dalam menjalankan tindakan-tindakan susulan ke atas minat-minat yang telah ditunjukkan oleh para pelabur asing dan baru-baru ini satu rombongan susulan telah dihantar dengan tugas-tugas untuk memenuhi kehendak-kehendak dan memberi pertolongan-pertolongan kepada mereka.

Selain daripada hubungan-hubungan yang telah dibuat oleh Ahli-ahli Rombongan Kerajaan, sukacita juga saya menyatakan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa hampir kesemua 63 orang wakil-wakil pihak swasta yang mengikuti rombongan itu telah juga membuat hubungan-hubungan yang sangat berfaedah dengan para pelabur asing semasa Seminar Pelaburan. Walau bagaimanapun, faedah-faedah yang lebih jelas hanya akan dapat dilihat di dalam beberapa bulan yang akan datang.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam rombongan lawatan itu atau di masa akan datang adakah disertai oleh wakil Kerajaan tiap-tiap Negeri supaya dapat Kerajaan Negeri itu berpeluang menarik pelabur itu membuat perindustrian dalam negerinya, kerana Kerajaan Pusat tak ada tapak.

Dato' Lew Sip Hon: Tuan Yang di-Pertua, di dalam rombongan itu ada wakil daripada Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri dan pada masa lawatan itu ada juga peluang diberi kepada wakil itu berhubung terus dengan para pelabur dan ada juga kejayaan yang telah dicapai di dalam perjumpaan itu.

KERETAPI TERPUTUS— PERLANGGARAN

9. Puan Hajjah Tom Saodah binti Haji Othman minta Menteri Pengangkutan menyatakan mengapa sebuah gerabak keretapi telah terputus daripada bahagian hadapannya yang menyebabkan gerabak itu berlanggar dengan beberapa pintu lintasan rata dan dua buah kereta pada 30hb April, 1979.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff): Tuan Yang di-Pertua, tidak ada kejadian perlanggaran sebagaimana yang dikatakan berlaku pada 30hb April, 1979. Walau bagaimanapun, ada kejadian berlaku pada 28hb April, 1979. Berhubung dengan kejadian itu satu Jawatankuasa Penyiasatan Bersama telah ditubuhkan oleh Pentadbiran Keretapi untuk menyiasat sebab-sebab yang mengakibatkan kejadian itu.

Jawatankuasa itu sudahpun menyelesaikan penyiasatan dan laporannya sedang disediakan. Siasatan awal menunjukkan bahawa kejadian itu berpunca dari penyangkut beberapa buah gerabak telah putus. Tindakan yang sewajarnya telah diambil dengan sertamerta untuk mengelakkan kejadian yang seumpama itu dari berulang lagi. Tindakan yang perlu selanjutnya akan dikuatkuasakan setelah kajian dibuat terhadap laporan Jawatankuasa ini.

Tuan Haji Mohd. Amin bin Haji Yaakub: Tuan Yang di-Pertua, saya suka hendak mendapat tahu adakah benar kejadian seperti ini berlaku kerana berpunca daripada pihak Pentadbiran Keretapi terlampau hendak

menjimatkan perbelanjaan sehingga mengurangkan kakitangan menguruskan sesuatu perjalanan keretapi. Adakah benar berpunca daripada itu?

Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff: Tuan Yang di-Pertua, tidak benar mengenai kenyataan itu kerana sepanjang yang diketahui Keretapi Tanah Melayu sehingga hari ini pun masih memerlukan kakitangan tambahan.

BUKU TEKS (TERJEMAHAN) DALAM BAHASA MALAYSIA

10. Tuan Michael Wong Kuan Lee minta Menteri Pelajaran menyatakan langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementeriannya untuk menentukan terjemahan yang sempurna buku-buku teks sekolah dari Bahasa Inggeris ke Bahasa Malaysia dan persamaan dalam penggunaan istilah-istilah teknikal dan saintifik dalam Bahasa Malaysia.

Menteri Pelajaran (Dato' Musa Hitam): Tuan Yang di-Pertua, buku-buku teks dalam Bahasa Malaysia dibahagikan dalam dua kumpulan, satu ditulis terus dalam Bahasa Malaysia dan satu lagi diterjemahkan dari Bahasa Inggeris ke Bahasa Malaysia. Kerja-kerja penulisan dan terjemahan ini adalah dijalankan oleh penerbit-penerbit berkenaan.

Sebelum sesuatu buku teks diperakukan untuk digunakan di sekolah-sekolah, buku teks tersebut telahpun ditaksir dan dinilai oleh Kementerian saya untuk memastikan bahawa bahasa dan terjemahannya adalah sesuai, boleh dibaca dan difahami oleh murid-murid. Penerbit-penerbit adalah diarah dan dikehendaki menggunakan istilah-istilah yang dipersamakan, iaitu yang dikeluarkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka, khususnya istilah-istilah teknikal dan saintifik.

JAWATAN KOSONG DALAM PERKHIDMATAN KERAJAAN

11. Tuan Ismail bin Hashim minta Perdana Menteri menyatakan bilangan jawatan kosong dalam perkhidmatan Kerajaan yang telah dipenuhi sehingga sekarang, bilangan jawatan tersebut yang masih belum dipenuhi, dan sebab kelewatan memenuhi jawatan-jawatan tersebut.

Menteri Tak Berpotfolio (Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf): Tuan Yang di-Pertua, sehingga bulan Jun terdapat lebih kurang 31,000 jawatan-jawatan kosong yang berlaku di semua Jabatan-jabatan Kerajaan. Adalah sukar untuk menentukan setepat-tepatnya jumlah jawatan kosong yang telah dipenuhi sehingga sekarang oleh kerana sebab-sebab tertentu. Oleh yang demikian, sungguhpun urusan pengambilan sedang pesat dijalankan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam dan Suruhanjaya-suruhanjaya yang lain, maka adalah mustahil untuk menentukan bagi sesuatu masa jawatan yang telah diisikan oleh kerana urusan pengambilan itu dijalankan oleh berbagai-bagai pihak. Walau bagaimanapun kira-kira 9,000 jawatan telah diisikan sejak bulan Januari tahun ini (1979).

TABUNG PUSINGAN PERUMAHAN UNTUK PEKERJA-PEKERJA

12. Tuan S. Subramaniam minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan berapa banyak peruntukan yang telah disalurkan daripada Tabung Pusingan Perumahan untuk Pekerja-pekerja semenjak ianya dilancarkan sehingga sekarang dan berapa banyak rumah telah dibina dan berapa banyak dijangka siap dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketiga.

Timbalan Menteri Perumahan (Dato' Haji Ramli bin Omar): Tuan Yang di-Pertua, tidak ada skim yang dinamakan Tabung Pusingan Perumahan untuk Pekerja-pekerja sepertimana disebut oleh Ahli Yang Berhormat itu. Skim yang dilancarkan oleh Kerajaan ialah Skim Pinjaman Perumahan Untuk Golongan Berpendapatan Rendah. Sebagaimana jelas dari nama skim ini tujuannya bukan untuk membantu pekerja-pekerja sahaja tetapi bagi mereka yang berpendapatan rendah dan tidak termasuk pekerja-pekerja Kerajaan dan Badan-badan Berkanun serta Kuasa-kuasa Tempatan.

Peruntukan yang telah diluluskan bagi Kumpulan Wang ini ialah \$10 juta. Sehingga 30hb Jun, 1979, tanggungan pinjaman skim ini ialah \$622,500.00 dan \$216,725.00 telah disahkan untuk bayaran. Sebanyak 140 buah rumah sedang dalam binaan dan sebanyak 1,300 buah rumah dijangka akan dapat disiapkan dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketiga.

ASEAN—KERJASAMA KESELAMATAN

13. **Datuk Dr Wee Khoon Hock** minta Menteri Luar Negeri menyatakan sama ada Kerajaan Malaysia akan mengadakan rundingan dengan Kerajaan negara-negara anggota ASEAN atas masalah kerjasama keselamatan di rantau ini sebagai persediaan terhadap serangan mengejut oleh negara asing.

Menteri Luar Negeri (Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-haj): Tuan Yang di-Pertua, seperti yang Kerajaan pernah tegaskan di dalam Dewan ini dan juga di Dewan Rakyat, ASEAN adalah satu pertubuhan bagi kerjasama ekonomi, sosial dan kebudayaan dan bukan ketenteraan. Kerajaan akan berpegang teguh kepada cita-cita dan tujuan asal pertubuhan ini. Oleh itu, Kerajaan tidak akan mengadakan rundingan dengan negara-negara ASEAN yang lain secara satu pertubuhan ataupun multilateral mengenai kerjasama keselamatan di rantau ini.

Apa yang sedang Kerajaan lakukan adalah untuk memperkuatkan lagi kerjasama keselamatan secara dua hala di daerah sempadan antara Malaysia dan jiran-jirannya di dalam ASEAN.

Tuan T. S. Gabriel: Tuan Yang di-Pertua, memandangkan jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Menteri Luar, Kerajaan Indonesia dan Kerajaan Singapura telah pun berjanji ia akan menghantar tentera-tenteranya untuk mempertahankan Kerajaan Thailand jika ianya menghadapi satu-satu serangan, saya ingin tahu bagaimanakah kedudukan dan pandangan Malaysia sebagai sebuah negara dalam ASEAN dengan pertolongan dan bantuan yang telah dijanjikan oleh kedua-dua negara itu.

Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-haj: Tuan Yang di-Pertua, sepertimana saya telah tegaskan di dalam Dewan Rakyat, itu adalah satu soalan apabila sampai masanya maka kita akan bertindak sewajarnya.

Tuan Ibrahim bin Abdullah: Soalan tambahan. Adalah menjadi dasar Kerajaan kita baik luar atau dalam negeri telah diisytiharkan di seluruh dunia kita adalah bebas dan berkecuali. Saya hendak bertanya iaitu

baharu-baharu ini dalam ASEAN Conference, saya amat terkejut mendengar kerana di dalam Conference itu dihadiri oleh wakil-wakil daripada Australia, New Zealand dan America. Jadi, kalau kita mengkaji balik sejarah dunia ini kadang-kadang apabila ada sedikit peralihan macam ini mengejutkan keadaan masa. Jadi, apabila kita telah mengisytiharkan dasar kita bebas dan berkecuali, orang Amerika hadir dalam mesyuarat kita itu, apakah nanti pandangan dunia, itu yang pertama. Yang kedua, baharu-baharu ini lagi mengejutkan saya iaitu Menteri Luar Filipina telah menyebutkan kalau ASEAN diganggu-gugat oleh musuh-musuh luar, Amerika ada di belakang kita. Tuan Yang di-Pertua, pada pendapat saya ini telah berlawanan dengan perisytiharan dasar bebas dan berkecuali kita itu. Saya minta Yang Berhormat Menteri Luar kita mengkaji hal ini supaya tegas menunjukkan kepada dunia sebenar-benarnya kita ini bebas dan berkecuali, jangan ada campur tangan kuasa luar walaupun daripada mana datangnya.

Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-haj: Tuan Yang di-Pertua, saya suka menjelaskan, yang pertama, adanya Menteri-menteri daripada Jepun, Australia, New Zealand dan Amerika Syarikat di atas konsep ataupun dialog yang kita telah adakan dengan negara-negara itu. Kita telah pun mengadakan dialog dengan negara-negara tersebut. Seperti mana Yang Berhormat sedia maklum kita telah mengadakan dialog dengan Amerika, kita juga telah mengadakan dialog dengan Australia, New Zealand dan juga Jepun, maka negara-negara ini datang bukan atas ASEAN. Persidangan ASEAN telahpun habis pada masa mereka itu datang. Kita telah mengadakan juga dialog atau summit di sini pada tahun 1977 dahulu, itulah caranya yang kita adakan selepas Persidangan ASEAN. Mereka bukan masuk bersama berunding dengan negara-negara ASEAN, tetapi satu negara dengan satu negara dan bukan dengan nama ASEAN, jadi ada bezanya. Jadi, saya harap Yang Berhormat dapat memahami di atas perbezaan ASEAN.

Yang kedua apa yang telah dikatakan oleh Menteri Luar Filipina itu adalah bilateral yang mana ada perjanjian. Kita tidak ada perjanjian dan saya suka mengatakan juga banyak negara-negara yang lain telahpun memberikan sokongan kepada ASEAN. Ini tidak bermakna iaitu kita tukar character

Malaysia kita sebagai sebuah negara yang bebas dan berkecuali. Saya boleh katakan imej kita masih kuat dan dipandang tinggi sebagai satu negara yang benar-benar berkecuali, yang benar-benar mengamalkan dasar berkecuali. Saya suka mengatakan dengan penjelasan saya itu ada perbezaan dengan kenyataan yang dibuat oleh pihak yang berkenaan.

SKIM PINJAMAN BUKU TEKS

14. Tuan Yap Peng minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau puashati dengan rancangan Skim Buku Teks yang berjalan sekarang dan sama ada beliau akan mengkaji dengan seriusnya Skim Rancangan Buku Teks Percuma bagi semua murid memandangkan masalah yang dihadapi untuk mendapat buku-buku teks.

Dato' Musa bin Hitam: Tuan Yang di-Pertua, saya merasa puashati dengan Skim Pinjaman Buku Teks yang dijalankan sekarang oleh sebab objektif Skim tersebut telah dicapai iaitu untuk membantu murid-murid yang miskin dan yang layak dan mengurangkan lagi bebanan yang ditanggung oleh ibu-bapa yang kurang berada. Sebenarnya kajian yang mendalam telah pun dibuat pada tahun 1978 mengenai Skim ini terutamanya dari segi dasar dan perlaksanaannya. Pihak Kementerian saya telah menentukan supaya semua murid yang miskin diberi pinjaman buku teks dan bagi yang lainnya peraturan adalah dibuat supaya pembekalan buku-buku ke sekolah-sekolah serta ke pasaran luar disegerakan. Dengan cara ini murid-murid mendapat buku-buku teks tanpa apa-apa kesukaran lagi.

Oleh sebab dasar yang sedia ada dapat menjamin yang semua murid miskin mendapat bantuan buku-buku teks saya tidak bercadang untuk memperluaskan Skim tersebut kepada semua murid-murid di semua sekolah.

Tuan Yang di-Pertua: Masa untuk soal jawab mulut telah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 15 hingga, 21, 22, 24 hingga 27, 29 hingga 32 dan 34 adalah diberi di bawah ini)

KEGIATAN KOMINIS—TANGKAPAN PELAJAR

15. Tuan Ismail bin Sheikh Ibrahim minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada kegiatan Kominis seperti yang berlaku di beberapa sekolah di Johor juga didapati di sekolah-sekolah di Negeri-negeri lain; jika ya, nyatakan negeri-negeri itu dan bilangan pelajar serta tindakan yang telah diambil.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie): Bagi tahun 1978 bilangan tangkapan bagi negeri-negeri lain selain daripada Johor adalah seperti berikut:

| <i>Negeri</i> | <i>Bilangan Ditangkap</i> |
|-------------------------|---------------------------|
| Perak | 3 |
| Selangor | 2 |
| Wilayah Persekutuan ... | 21 |
| Negeri Sembilan | 1 |
| | <hr/> |
| | 27 orang |
| | <hr/> |

Dari jumlah di atas 2 orang telah ditahan dan 7 orang dibebaskan dengan syarat. Baki-nya telah dibebaskan tanpa syarat.

Tiada sebarang tangkapan bagi negeri-negeri lain dalam tahun 1979.

SKIM AREA ROAD PRICING

16. Tuan Alexander Lee minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Datuk Bandar untuk memperbaiki sistem pengangkutan awam di Bandaraya untuk membolehkan pelancaran skim "Area Road Pricing".

Menteri Wilayah Persekutuan (Dato' Hussein Onn): Pertanyaan ini berkaitan dengan pengangkutan awam yang mana bukan di bawah kuasa dan tanggungjawab Dewan Bandaraya. Kuasa dan tanggungjawab terhadap sistem pengangkutan awam ialah di bawah Yunit Perancang Jalan dan Pengangkutan Awam (Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam), Kementerian Perusahaan Awam. Dewan Bandaraya hanya terlibat secara tidak langsung dalam penyediaan infrastruktur seperti penyelenggaraan/pembaikan jalan dan perteduhan-perteduhan bas.

Secara ringkas, di antara langkah-langkah yang telah diambil bagi memperbaiki sistem pengangkutan awam di Kuala Lumpur ialah seperti membesar dan meluaskan jalan-jalan, mengadakan bas-bas mini sebagai tambahan kepada perkhidmatan bas-bas biasa dan juga membaiki jalan-jalan bas (bus-routes) dan mengadakan lebih banyak perteduhan-perteduhan bas.

Sekim "Area Road Pricing" adalah ditangguhkan perlaksanaannya kepada suatu masa yang sesuai. Beberapa kemudahan perlu ada sebelum skim ini boleh dipertimbang untuk dilaksanakan seperti jalan-jalan dan sistem pengangkutan awam yang baik.

PENDAPATAN PER KAPITA TIAP-TIAP KAUM

17. Tuan Abdul Razak bin Haji Abu Samah minta Perdana Menteri menyatakan pendapatan per kapita tiap-tiap kaum di negara ini, dan berapa ramaikah "millionaire" bukan Bumiputra yang muncul setelah Dasar Ekonomi Baru dilaksanakan.

Timbalan Perdana Menteri (Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad): Pada tahun 1975, berasaskan kepada harga tahun 1970, pendapatan per kapita kasar keseluruhannya bagi negara ini adalah \$1,304. Tetapi pada

tahun 1978, jumlah ini telah meningkat kepada \$1,644, iaitu pertumbuhan tahunan atas kadar 8% setahun. Tentang pendapatan mengikut kaum pula, setakat tahun 1976, pendapatan per kapita, berasaskan harga semasa (current prices) adalah seperti berikut:

| | | | | | |
|-----------|-----|-----|-----|-----|--------|
| Melayu | ... | ... | ... | ... | \$ 796 |
| China | ... | ... | ... | ... | 1,982 |
| India | ... | ... | ... | ... | 1,222 |
| Lain-lain | ... | ... | ... | ... | 2,973 |

Perangkaan ini didapati berdasarkan pendapatan purata satu keluarga yang mengandungi 5.4 ahli isi rumah (household) seperti yang ditunjukkan di dalam Jadual 3-1 Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketiga.

Berhubung dengan kemunculan jutawan-jutawan bukan Bumiputra, Kerajaan tidaklah membuat kajian setakat ini untuk memastikan bilangan mereka yang terlibat hasil dari pelancaran Dasar Ekonomi Baru. Namun begitu, memanglah tidak siapa dapat dinafikan bahawa pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru telah memberi menafaat kepada semua rakyat jelata negara ini, tanpa mengira kaum. Mungkin juga jutawan-jutawan baru dari golongan bukan Bumiputra wujud hasil dari Dasar Ekonomi Baru.

DOKTOR KERAJAAN MELETAKKAN JAWATAN

18. Datin Hajjah Mahimon binti Haji Harun minta Menteri Kesihatan menyatakan jumlah bilangan doktor-doktor Kerajaan yang telah meletakkan jawatan dalam tahun 1978 dan 1979 dengan memberikan angka-angka pecahan mengikut kaum, dan bilangan masing-masing mereka yang meletakkan jawatan kerana melanjutkan pelajaran di seberang laut dan yang meletakkan jawatan kerana hendak membuka klinik persendirian.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Chong Hon Nyan): Jumlah pegawai-pegawai perubatan yang telah meletakkan jawatan mengikut kaum dalam tahun 1978 dan 1979 adalah seperti berikut:

| Tahun | Melayu | China | India | Jumlah |
|-----------------------|--------|-------|-------|--------|
| 1978 | 14 | 84 | 90 | 188 |
| 1979 sehingga 30-6-79 | 12 | 26 | 37 | 75 |

Kementerian Kesihatan tidak dapat memberitahu Dewan yang mulia ini tentang jumlah bilangan doktor-doktor yang meletakkan jawatan kerana melanjutkan pelajaran ataupun kerana hendak membuka klinik persendirian, kerana pegawai-pegawai

yang ingin meletakkan jawatan cuma dikehendaki memberikan notis yang cukup dan tidak dimestikan memberi sebab-sebab perletakan jawatan. Walau bagaimanapun, sebab-sebab peribadi biasanya diberi sebagai alasan untuk meletakkan jawatan.

KEBUDAYAAN KEBANGSAAN DAN SUKAN

19. Tuan Abdullah bin Salleh minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan apakah rancangan-rancangan beliau untuk meninggikan mutu sukan dan kebudayaan di negara ini.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Datuk Abdul Samad bin Idris): Dalam usaha mencapai hasrat mempertingkatkan mutu serta memperkembangkan Kebudayaan Kebangsaan di kalangan rakyat, Kementerian saya telah dan sedang melaksanakan berbagai rancangan yang boleh digolongkan ke dalam tiga kategori iaitu penyelidikan, pendidikan dan penggalakan. Tumpuan diberikan kepada ketiga-tiga aspek ini dengan melibatkan semua golongan masyarakat. Penglibatan yang menyeluruh itu termasuklah melalui kegiatan pendedahan segala bidang kesenian Malaysia yang disalurkan melalui pesta, pertandingan, kursus, seminar, bengkel dan sebagainya. Bagaimanapun semua kegiatan dan perancangan ke arah meninggikan mutu kebudayaan itu bergantung kepada jumlah peruntukan yang diluluskan.

Bagi menentukan kelicinan pelaksanaannya, Kementerian saya telah menubuhkan Majlis Penasihat Kebangsaan berkenaan Kebudayaan bagi menasihati Kementerian dalam perancangan bagi pelaksanaan dasar kebudayaan kebangsaan. Sementara itu untuk melaksanakannya pula sebuah Jawatankuasa Penyelaras Kebudayaan yang terdiri dari agensi-agensi Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri telah diwujudkan bertujuan melaksanakan segala program kebudayaan di bawah pengawasan badan-badan berkenaan.

Untuk makluman Yang Berhormat rancangan-rancangan detail akan dikemukakan secara bertulis.

Sukan

Kementerian saya dengan kerjasama Persatuan-Persatuan Sukan Kebangsaan sentiasa mengadakan rancangan-rancangan untuk meninggikan mutu sukan di negara ini. Oleh itu banyak rancangan-rancangan dijalankan untuk menarik dan meramaikan penglibatan masyarakat umum di dalam bidang sukan. Di samping itu banyak Kursus-kursus asas yang bertujuan untuk mengenalkan tentang

cara-cara yang betul untuk bermain satu-satu sukan tertentu diadakan juga di seluruh negara. Selain daripada itu usaha-usaha sentiasa dijalankan untuk mencungkil bakat-bakat baru yang mempunyai potensi untuk maju. Mereka ini akan diasuh supaya mutu permainan mereka itu lebih baik. Dengan kerjasama Badan-badan Sukan Kebangsaan, Kementerian saya terus berusaha untuk menubuhkan Pasukan Belia ataupun Pasukan kedua. Pasukan-pasukan ini akan diberi latihan sepanjang tahun sama ada di dalam atau di luar negeri sehingga mencapai kepada mutu yang tinggi untuk membolehkannya mengambil alih sebagai pasukan Kebangsaan. Bagi menyediakan Pasukan Kebangsaan yang tersedia, Kementerian sentiasa bekerjasama dengan Persatuan-Persatuan Kebangsaan untuk memberi bantuan kewangan ataupun kepakaran. Latihan-latihan itu juga dijalankan sama ada di dalam atau di luar negeri.

Sebagai rancangan jangka panjang Kementerian saya telah juga menghantar Pegawai-pegawai dan Jurulatih Sukan ke luar negeri untuk mengikuti Kursus-kursus tertentu untuk meluaskan pengalaman mereka. Ianya adalah bertujuan untuk mempertingkatkan lagi kebolehan dan pengalaman mereka sebagai seorang Pegawai dan Jurulatih Sukan untuk menjalankan kursus-kursus di dalam negeri. Dengan cara ini mereka akan dapat mempraktikkan pengalaman dan pengetahuan yang mereka perolehi bagi mempertingkatkan lagi prestasi ahli-ahli sukan di negara ini.

UNDANG-UNDANG JENYAH ISLAM

21. Tuan Haji Mohd. Amin bin Haji Yaakub minta Menteri Undang-undang menyatakan sama ada Undang-undang jenayah yang dipakai di negara ini sekarang akan di gantikan dengan undang-undang jenayah Islam dan jika ya, bila ianya akan dijalankan.

Menteri Undang-undang (Dato' Seri Haji Hamzah bin Haji Abu Samah): Kerajaan belum ada cadangan bagi menggantikan undang-undang jenayah yang dipakai di negara ini sekarang dengan undang-undang jenayah Islam.

JET TEBUAN TENTERA UDARA DI RAJA—KEMALANGAN

22. **Tuan Ismail bin Hashim** minta Menteri Pertahanan menyatakan sebab-sebab pesawat jet Tebuan Tentera Udara jatuh terhempas baru-baru ini.

Menteri Pertahanan (Datuk Amar Haji Abdul Taib bin Mahmud): Pada masa ini badan penyiasat yang ditubuhkan bagi menyiasat sebab-sebab kemalangan pesawat-pesawat jet Tebuan baru-baru ini belum lagi selesai menjalankan siasatannya. Sehingga siasatan tersebut disiapkan, saya tidaklah dapat memberikan sebab-sebab kemalangan-kemalangan tersebut pada masa ini.

PERKEMBANGAN DI INDO-CHINA— SIKAP MALAYSIA

24. **Datuk Haji Ahmad Arshad** minta Menteri Luar Negeri menyatakan sikap Malaysia sebagai anggota ASEAN terhadap perkembangan di Indo-China, khasnya tawaran Vietnam hendak menandatangani perjanjian tidak serang-menyerang dengan negara-negara ASEAN.

Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-haj: Malaysia mengambil berat tentang perkembangan di Indo-China sekarang ini. Ini adalah dibayangkan di dalam Kenyataan Bersama ASEAN pada 12hb Januari dan 21hb Februari 1979 dan ditegaskan lagi di dalam Kenyataan Bersama yang dikeluarkan diakhir Mesyuarat ke 12 Menteri-menteri Luar ASEAN di Bali pada penghujung bulan Jun lepas.

Di Mesyuarat tersebut, Menteri-menteri Luar ASEAN telah menyatakan kebimbangan bahawa keadaan di Indo-China telah bertambah kusut melibatkan negara-negara di luar rantau ini. Mesyuarat itu telah mengambil perhatian bahawa semenjak Mesyuarat mereka yang terakhir di Bangkok pada 12-13hb Januari, 1979, keadaan itu telah lebih merosot lagi. Memandangkan adanya tentera Vietnam di sempadan Thai-Kampuchea, ada lebih kemungkinan bahawa pertikaian akan merebak ke kawasan-kawasan lain pula. Kemungkinan pendatang haram yang membanjiri beberapa negara ASEAN telah mengusutkan lagi keadaan di rantau ini.

Mengenai cadangan perjanjian serang-menyerang di antara Vietnam dan negara-negara ASEAN, Malaysia berpendapat bahawa perjanjian yang seperti ini tidak perlu. Untuk menentukan keamanan dan kestabilan rantau ini, apa yang perlu ialah bagi semua negara-negara mematuhi serta mengamalkan dengan penuh prinsip-prinsip mengujudkan rantau ini menjadi rantau yang bebas, aman dan berkecuali.

GURU BESAR SEMENTARA DI SEKOLAH TAMIL

25. **Datuk V. Ponnusamy Pillai** minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada Kementerianya bercadang menjadikan guru-guru besar sementara di Sekolah-sekolah Tamil sebagai guru tetap.

Dato' Musa bin Hitam: Penetapan seorang Pegawai Perkhidmatan Pelajaran sebagai Guru Besar di sekolah-sekolah adalah merupakan urusan kenaikan pangkat. Seseorang pegawai yang memangku sementara/menanggung kerja jawatan Guru Besar dipertimbangkan sebagai Guru Besar secara hakiki, jika sekiranya mereka memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan mengikut sekim perkhidmatan, kedudukan prestasi yang baik dan diperakukan oleh Ketua Jabatan mereka bolehlah dipertimbangkan untuk mengisi jawatan tersebut secara tetap. Keputusan muktamad mengenai kedudukan mereka adalah tertakluk kepada keputusan Lembaga Kenaikan Pangkat.

PASUKAN POLIS—PERANAN

26. **Dr Choo Kooi Fook** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa Pasukan Polis kita lebih berorientasikan hukuman (punitive-orientated) daripada memberi pimpinan dan pengajaran kepada orangramai (public education-orientated); jika sedar, nyatakan langkah-langkah yang diambil untuk membetulkan sikap ini.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Peranan utama Pasukan Polis adalah bagi mengekalkan perjalanan undang-undang serta mengawal ketenteraman awam dan keselamatan negara. Dalam hal ini tugasnya yang terpenting ialah mencegah berlakunya kejadian-kejadian jenayah dan kejadian-kejadian lain yang boleh memudaratkan

masyarakat dan negara. Sekiranya tindakan mencegah ini kurang berjaya maka tindakan selanjutnya akan diambil iaitu membuat tangkapan mengikut peraturan undang-undang. Dari sini terserahlah kepada pihak mahkamah untuk mengenakan hukuman yang setimpal.

Sejak Polis melancarkan amalan "SEDIA BERKHIDMAT" pihak Polis telah cuba memberikan segala bantuan termasuk nasihat kepada orangramai supaya sentiasa mematuhi undang-undang. Dalam pada itu pendidikan sivik dari segi menjunjung undang-undang adalah juga disampaikan kepada orangramai dari sumber-sumber lain dan tidak semestinya sentiasa dari pihak Polis sahaja.

KERAJAAN BARU DI IRAN— PENDIRIAN MALAYSIA

27. Datuk Haji Ahmad bin Haji Ithnin minta Menteri Luar Negeri menyatakan sikap Malaysia terhadap pergolakan di "ASIA MINOR" terutamanya pendirian Malaysia terhadap Kerajaan baru di Iran dan sama ada Malaysia bercadang hendak mengadakan apa-apa perjanjian dengan Iran seperti yang pernah dilakukan dengan lain-lain negara Arab; jika ya, bila.

Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-haj: Saya suka memaklumkan kepada Yang Berhormat Senator, bahawa Iran tidak termasuk dalam kawasan "Asia Minor" iaitu nama lama kepada kawasan semenanjung yang meliputi sebahagian penting Republik Turki sekarang. Mungkin apa yang dimaksudkan ialah kawasan Asia Barat.

Hubungan Malaysia dengan Iran telah tidak terjejas oleh pergolakan di negara tersebut baru-baru ini. Penubuhan sebuah kerajaan baru di Iran adalah dianggap sebagai hal ehwal dalam negara tersebut.

Adapun soal mengadakan perjanjian di antara Malaysia dengan mana-mana negara asing, termasuk Iran, akan ditimbang jika difikirkan perlu dan memberi menafaat kepada hubungan kedua-dua negara.

LESEN TEKSI—PENGELUARAN

29. Tuan Yap Peng minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan bilangan lesen

teksti yang telah dikeluarkan dalam tahun 1978 dan dalam tahun 1979 hingga ke bulan Jun.

Menteri Perusahaan Awam (Datuk Abdul Manan bin Othman): Bilangan lesen teksti telah dikeluarkan dalam tahun 1978 ialah 707 dan dalam tahun 1979 sehingga bulan Jun ialah 376.

BEKALAN AIR DI KUALA LUMPUR/PETALING JAYA

30. Tuan Alexander Lee minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil untuk memastikan pembekalan air yang tetap kepada kawasan Wilayah Persekutuan dan Petaling Jaya dalam masa jangka panjang dan jangkapendek, memandangkan kekurangan paras air di Ampang Klang Gate.

Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Dato' Lee San Choon): Sebagai menjawab pertanyaan dari Ahli Yang Berhormat Tuan Alexander Lee, adalah dimaklumkan bahawa Kerajaan telah pun mengambil langkah-langkah yang sesuai untuk memastikan bekalan air yang mencukupi di kawasan Kuala Lumpur dan Petaling Jaya.

Bagi jangka panjang, seperti dinyatakan dahulu dalam Dewan ini, rancangan untuk memperbesar keupayaan loji pembersih air Sungai Langat dari 42.5 juta gelen sehari kepada 85 juta gelen sehari sedang dijalankan dan dijangka siap pada tahun 1980. Setakat ini kira-kira 80 peratus daripada kerja-kerja pembinaan ampangan tersebut telah disiapkan.

Di samping itu jurutera perunding juga sudah dilantik untuk membuat kajian penambahan bekalan air bagi kawasan Lembah Klang. Laporan dari kajian tersebut dijangka siap pada penghujung tahun 1978.

Sebagai tindakan jangkapendek pam-pam tambahan telah dipasang di loji Pembersihan air Sungai Langat bagi menambah bekalan air dari 50 juta gelen sehari kepada 60 juta gelen sehari. Dengan cara ini penggunaan bekalan air di ampangan Klang Gate dapat dijimatkan bagi menghadapi musim kemarau akan datang. Pembekalan air sebanyak 60 juta gelen sehari dari Ulu Langat didapati mencukupi pada masa sekarang.

BANTUAN IMBOHAN HASIL CUKAI TOL

31. Tuan Haji Mohd. Amin bin Haji Yaakub minta Menteri Kewangan menerangkan sama ada Kerajaan Persekutuan telah bersetuju membayar imbohan kepada Kerajaan Negeri Kelantan atas kehilangan punca hasil pungutan cukai tol Jambatan Sultan Yahya Putra di Kota Bharu yang telah dibatalkan semenjak Mac, 1978 dan jika ya berapa jumlah yang telah dibayar setakat ini.

Datin Paduka Rafidah Aziz: Perkara ini tidak berbangkit oleh sebab Kerajaan Negeri Kelantan sekarang ini tidak pernah meminta Kerajaan Pusat untuk memberi bantuan bagi mengimbohkan kehilangan hasil yang disebabkan oleh pembatalan tol itu. Lagipun Kerajaan Persekutuan telah memberi berbagai-bagai bentuk bantuan kepada Kerajaan Negeri Kelantan untuk membiayai rancangan-rancangan pembangunannya. Wajarliah pungutan tol di Jambatan Sultan Yahya Putra itu dibatalkan oleh kerana ini adalah bersesuaian dengan hasrat rakyat yang berpendapatan rendah.

PERHENTIAN TEKSI DI BANDARAYA

32. Tuan Alexander Lee minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan apakah yang menyebabkan kelambatan Bandaraya melancarkan sekim yang membenarkan teksi berhenti ditempat-tempat perhentian yang tertentu sepanjang Jalan Ipoh dan Jalan Tuanku Abdul Rahman, Kuala Lumpur bagi kemudahan penumpang-penumpang dan pemandu teksi.

Tuan Abdullah bin Haji Ahmad: Teksi-teksi boleh berhenti di jalan-jalan sisi (side roads) dan jalan-jalan susur (service roads) yang dibenarkan di sepanjang Jalan Ipoh dan Jalan Tuanku Abdul Rahman. Tetapi malangnya jalan-jalan sisi dan jalan-jalan susur ini tidak digunakan sepenuhnya oleh teksi-teksi.

KUIL HINDU—PERBUATAN MEMECAH PATUNG

34. Tuan M. Mahalingam minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan bahawa berasaskan penyiasatan Polis setakat ini sama ada perbuatan merosakkan kuil-kuil

Hindu itu dilakukan oleh anasir-anasir antinasional yang mempunyai motif hendak membangkitkan perasaan benci antara kaum; jika ya, nyatakan tindakan yang telah diambil oleh Kementeriannya untuk melindungi kuil-kuil itu.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Kerajaan memandang bahawa perbuatan memecah patung-patung di kuil-kuil adalah serious yang boleh mengakibatkan terancamnya kententeraman awam. Tindakan terhadap orang-orang yang bertanggungjawab dalam kejadian sedemikian telah diambil. Seorang daripadanya telahpun didakwa di Mahkamah dan dijatuhkan hukuman penjara selama 6 bulan. Manakala dua kes lagi masih dalam pembicaraan Mahkamah. Pencerobohan dan pemusnahan tempat-tempat ibadat adalah satu kesalahan di bawah Kanun Keseksaan yang membawa hukuman maksima penjara selama dua tahun atau denda manakala melakukan kebakaran pula adalah boleh membawa hukuman maksima penjara selama 20 tahun di bawah undang-undang yang sama. Kerajaan juga tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan-tindakan lain seperti menggunakan Akta Keselamatan Dalam Negeri jika difikirkan ini perlu.

Dalam pada itu didapati kuil-kuil Hindu banyak sekali dan berselerak di merata-rata tempat. Jumlahnya lebih kurang 15,000. Maka adalah sukar bagi pihak berkuasa hendak menentukan keselamatan kuil-kuil itu. Yang sudah-sudah beberapa kuil yang dimusnahkan terletak di kawasan-kawasan terpencil.

Pihak Polis telah menasihatkan pihak pengurusan kuil-kuil mengambil langkah berjaga-jaga di kuil masing-masing. Tetapi jika berlaku sebarang kejadian, mereka janganlah sekali-kali bertindak liar di luar undang-undang. Mereka mesti melapor kepada pihak Polis.

Kebebasan menganut ugama yang dijamin oleh Perlembagaan Persekutuan tidaklah bererti kebebasan mendirikan rumah-rumah ibadat secara sesuka hati. Pembinaan kuil-kuil mestilah mendapat kebenaran pihak berkuasa tempatan sebagaimana juga kebenaran dikehendaki bagi membina masjid, surau, gereja dan sebagainya.

Terdapat orang tertentu dan sindiket yang dengan sewenang-wenang mendirikan kuil-kuil tanpa izin di atas tanah kepunyaan Kerajaan atau orang persendirian. Pada mulanya asas tapaknya kecil, kemudian diperbaiki dan diperbesar. Apabila mereka diarah memindahkan atau merobohkan kuil itu kerana dibina tanpa izin mereka meminta wang ganti rugi dan tapak tanah yang lain yang halal sebagai ganti. Perbuatan ini mestilah dihentikan.

USUL

UCAPAN TAKZIAH KEPADA KELUARGA MENDIANG TUN (DR) V. T. SAMBANTHAN

3.47 ptg.

Menteri Tak Berpotfolio (Dato' Haji Mohamed bin Nasir): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Dewan ini merakamkan perasaan dukacita yang amat sangat di atas kematian Yang Amat Berbahagia Tun V.T. Sambanthan, Pengerusi Lembaga Perpaduan Negara dan bekas Menteri Kabinet, pada 18hb Mei, 1979 dan menyampaikan ucapan takziah kepada keluarganya.

Tuan Yang di-Pertua, seluruh rakyat Malaysia telah terkejut ketika menerima berita kematian Tun V.T. Sambanthan pada hari Jumaat, 18hb Mei, 1979. Sesungguhnya, kematiannya adalah satu kehilangan besar kepada negara, khususnya kepada rakyat keturunan India.

Selama lebih kurang suku abad, mendiang Tun Sambanthan telah menaburkan jasanya kepada negara dan rakyat. Beliau pergi dengan meninggalkan kesan-kesan sumbangan tenaga dan fikirannya dalam perjuangan mencapai kemerdekaan tanahair, pembangunan negara dan perpaduan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah pimpinannya, MIC telah menyertai UMNO dan MCA dalam PERIKATAN dalam usaha menyatupadukan rakyat dari tiga keturunan yang terbesar di negara ini. Penyatuan berbilang kaum merupakan syarat utama yang dikenakan oleh Kerajaan British bagi mencapai kemerdekaan kita. Mendiang Tun Sambanthan telah mengambil bahagian dalam rundingan-rundingan dalam pertengahan tahun-tahun lima puluhan kerana menuntut Kemerdekaan

dan penubuhan Malaysia dalam awal tahun-tahun enam puluhan. Hasil penyertaan dan pengorbannya adalah bukti yang dapat kita semua lihat sehinggakan ke hari ini.

Dengan tercapainya Kemerdekaan, Tun Sambanthan telah dilantik menjadi ahli Jumaah Menteri. Dalam kapasiti itu beliau telah berpeluang berkhidmat di Kementerian-kementerian Kesihatan, selama 2 tahun lebih, Kerjaraya, Pos dan Telekom selama 12 tahun lebih dan Perpaduan Negara selama 2 tahun lebih. Dalam jawatan-jawatan tersebut beliau telah memberi sumbangan yang bermakna dalam mewujudkan asas-asas bagi pembangunan sosio-ekonomi rakyat dan perpaduan negara.

Mendiang Tun Sambanthan adalah seorang yang jujur, ikhlas, lemah lembut dan memahami cita-cita rakyat, khususnya rakyat yang tidak berada. Khidmat baktinya kepada pekerja-pekerja estet misalnya, akan sentiasa disanjung tinggi oleh mereka itu. Dengan sifat-sifat kepimpinan yang gigih dan berpandangan jauh, beliau telah membantu mereka itu secara koperasi memiliki ladang-ladang getah, kelapa sawit, kelapa dan koko. Kejayaan tersebut sudah tentu membawa faedah kepada cita-cita meninggikan taraf hidup ahli-ahlinya.

Sejak tahun 1974 hingga ke akhir hayatnya, mendiang Tun Sambanthan telah menumpukan seluruh tenaga dan fikiran ke arah cita-cita perpaduan negara. Cita-citanya bagi mewujudkan perpaduan yang berkekalan dikalangan rakyat adalah terjelma di dalam rancangan-rancangan dan projek-projek Lembaga Perpaduan Negara.

Khidmat bakti dan jasa-jasa cemerlang mendiang Tun Sambanthan kepada negara dan rakyat akan tercatat dalam sejarah negara dan sentiasa dikenang oleh generasi akan datang.

Pemergian mendiang Tun Sambanthan sudah tentulah merupakan peristiwa yang menyayat hati isteri dan anggota-anggota keluarganya. Dalam menyampaikan ucapan takziah kepada Toh Puan Uma Sambanthan serta anggota-anggota keluarganya, saya harap mereka itu dapat menghadapi peristiwa yang pilu itu dengan tabah hati.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong dengan perasaan sedih usul merakamkan ucapan takziah di atas kematian Yang Amat Berbahagia Tun V. T. Sambanthan pada 18hb Mei 1979. Kematian mendiang Tun V. T. Sambanthan pada 18hb Mei 1979 adalah satu tragedy yang mengejut dan menyedihkan kita semua, khususnya rakyat keturunan India, oleh sebab kita telah kehilangan seorang pemimpin politik yang telah berkhidmat untuk negara dan rakyat kita.

Mendiang Tun V. T. Sambanthan yang lahir pada 16hb Jun 1919 di Sungei Siput, Perak adalah seorang penuntut di Clifford School, Kuala Kangsar dan mendapat Ijazah Sarjana Muda dari Universiti Annamalai di Tamil Nadu, India.

Pada tahun 1955, iaitu pada usianya 36 tahun mendiang Tun V. T. Sambanthan telah menjadi Presiden Malaysian Indian Congress sehingga Jun 1973. Di bawah pimpinannya asas persaudaraan di antara MIC dan UMNO dan MCA, dalam Perikatan dapat diperkuatkan dan dieratkan. Mendiang Tun V. T. Sambanthan berjaya mewujudkan fikiran dan semangat perpaduan yang perlu untuk menyatu-padukan rakyat keturunan India dengan rakyat keturunan China dan rakyat Melayu. Dengan pemimpin-pemimpin Perikatan mendiang Tun V. T. Sambanthan memainkan peranan yang penting dalam rundingan-rundingan dengan Kerajaan British untuk mendapat Kemerdekaan bagi negara kita.

Dalam Kerajaan mendiang Tun V. T. Sambanthan telah dilantik memegang jawatan-jawatan sebagai Menteri Buruh dan pada tahun 1955, Menteri Kesihatan pada tahun 1957, Menteri Kerjaraya, Pos & Telekom pada tahun 1959 dan Menteri Perpaduan Negara pada tahun 1972. Pada tahun 1973 mendiang Tun V. T. Sambanthan dilantik sebagai Pengerusi Lembaga Perpaduan Negara dan jawatannya telah dipegang hingga kematiannya.

Sebagai pemimpin yang mempunyai pandangan jauh mendiang Tun V. T. Sambanthan telah menubuhkan National Land Finance Co-operative Society (NLFCS) pada tahun 1960 untuk membeli ladang-ladang yang dijual oleh pemodal-pemodal besar dan dengan demikian menahankan pemecahan ladang-ladang dilakukan oleh pembeli-pembeli lain.

Initiatif dan usaha ini adalah yang terpenting untuk mendekatkan mendiang Tun V. T. Sambanthan dengan pekerja-pekerja ladang. Syarikat NLFCS pada masa sekarang mempunyai 18 buah ladang-ladang seluas 30,000 ekar tanah yang ditanam dengan getah, kelapa sawit dan teh dengan berjumlah 10,000 pekerja-pekerjanya. Syarikat NLFCS adalah menjadi tanda peringatan kepada usaha-usaha dedikasi dan pandangan jauh yang dipunyai oleh mendiang Tun V. T. Sambanthan untuk menolong pekerja-pekerja ladang.

Tuan Yang di-Pertua, mendiang Tun V. T. Sambanthan adalah seorang pemimpin yang meletakkan kepentingan negara atas segala kepentingan lain. Bukan sahaja mendiang Tun V. T. Sambanthan menyebut-nyebutkan kepentingan muhibbah, persefahaman dan perpaduan di antara rakyat Malaysia, tetapi dalam apa jua mendiang melibatkan dirinya, sifat-sifat ini telah diamalkan.

Walaupun kita telah hilang seorang pemimpin negara kita, nama dan kegiatannya tidak akan dilupakan. Namanya akan dicatat dalam sejarah negara kita sebagai pemimpin negara yang terlibat untuk mencapai kemerdekaan bagi negara kita dengan pemimpin lain sebagai pemimpin yang telah memberi sumbangan besar terhadap dasar dan pembangunan Kerajaan dan menanam perasaan persaudaraan di antara rakyat kita.

Atas segala sumbangan mendiang Tun V. T. Sambanthan kepada negara kita, Kerajaan telah bersetuju untuk mengadakan "State funeral" sebagai penghormatan terakhir. Tetapi atas sebab-sebab persendirian keluarganya telah melakukan upacara penguburan istiadat Ugama Hindu di Sungei Siput. Walaupun demikian, Jumaah Menteri yang diwakili oleh seorang Menteri Kanan dan beberapa Menteri-menteri lain dan Pemimpin-pemimpin Parti-parti Politik turut menghadiri upacara penguburan di Sungei Siput.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi bagi pihak Malaysian Indian Congress dan seluruh rakyat keturunan India, saya merakamkan ucapan takziah kepada balu mendiang Tun V. T. Sambanthan dan keluarganya.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan usul

atas nama Yang Berhormat Menteri Tak Berpotfolio, Dato Haji Mohamed bin Nasir untuk dibahas.

Yang Berhormat Tuan Michael Wong Kuan Lee.

3.57 *ptg.*

Tuan Michael Wong Kuan Lee: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong usul ini.

Tuan Yang di-Pertua, mendiang Tun V. T. Sambanthan adalah salah seorang penganjur negara kita yang merdeka. Apabila MIC memasuki Parti Perikatan bersama-sama dengan UMNO dan MCA dalam kelima-puluhan sahutan rakyat pada masa itu ialah "kemerdekaan".

Perdana Menteri kita dahulu, Tunku Abdul Rahman, sebagai seorang pemimpin UMNO, mendiang Tun Tan Cheng Lock sebagai pemimpin MCA dan mendiang Tun V. T. Sambanthan sebagai pemimpin MIC, ketiga-tiga mereka sewajarnya dipanggil oleh rakyat Malaysia "Tiga Sekawan", menyatupadukan rakyat berbilang bangsa dan menunjuk kepada Pemerintah British dan keseluruhan dunia kita boleh memerintah negeri ini dengan sendirinya dan memimpin negara ini kepada kemakmuran.

Sumbangan mendiang Tun V. T. Sambanthan kepada negara ini tidaklah terhingga. Kita berasa amat sukacita bahawa selepas menjadi seorang peladang, beliau telah mencurahkan diri di bidang politik dan membawa rakyat keturunan India di Malaysia memasuki dalam pembangunan politik di negara ini.

Beliau menjadi Presiden MIC dalam tahun 1955 hingga 1973. Beliau juga berkhidmat di Kerajaan di dalam Kabinet, mula-mulanya sebagai Menteri Buruh, selepas itu sebagai Menteri Kesihatan, kemudiannya sebagai Menteri Kerja Raya, Pos dan Telekom dan akhirnya sebagai Menteri Perpaduan Negara.

Tuan Yang di-Pertua, mendiang Tun V. T. Sambanthan adalah seorang rakyat Malaysia yang benar-benar mempunyai kemuliaan. Penganugerahan dan kesucian yang diberi kepada negara yang dicintainya sehingga habis hayatnya semata-mata untuk kepentingan kita bersama. Kematian memberi

kehilangan besar bukan sahaja kepada keluarga dan sahabat handai beliau bahkan kepada kita semua.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya menyokong usul ini.

4.01 *ptg.*

Tuan Haji Abdul Latip bin Haji Idris: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong usul ucapan takziah yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Tak Berpotfolio di Jabatan Perdana Menteri sebentar tadi. Kami ahli-ahli dari Parti anggota dalam Barisan Nasional negeri Sarawak dalam Dewan yang mulia ini turut bersama-sama mengucapkan takziah kepada keluarga mendiang Tun V. T. Sambanthan yang meninggal dunia dengan mengejut itu. Rakyat di Sarawak mulai mengenali nama beliau itu semenjak kemerdekaan negara ini dan di masa beliau dilantik sebagai Pengerusi Lembaga Perpaduan Negara di Jabatan Perdana Menteri beliau juga telah berkesempatan beberapa kali melawat banyak tempat di Sarawak untuk mengetahui adat resam dan pantang larang rakyat berbagai kaum di negeri itu di samping mengeratkan lagi perpaduan dan muhibbah antara masyarakat Malaysia.

Oleh yang demikian, kami rakyat di Sarawak sentiasa mengenang budi bahasa yang halus beliau serta ramah mesra yang boleh meninggalkan kesan yang baik untuk boleh menjadi contoh dan tauladan kepada kami di Sarawak yang sentiasa dalam kenangan kami. Akhirnya kami berdoa semoga Tuhan merestuinnya. Sekian, terima kasih.

4.04 *ptg.*

Tuan S. I. Rajah: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kerana diberi peluang kepada saya untuk turut serta berucap dalam usul yang dibawa oleh Yang Berhormat Menteri Tak Berpotfolio. Mendiang Yang Berbahagia Tun (Dr) V. T. Sambanthan adalah seorang daripada pengasas kemerdekaan Malaysia. Sebagai ketua kaum India beliau telah mengorbankan tenaga dan masanya untuk memperjuangkan persamaan bagi kaum India. Oleh yang demikian berhasil menyatupadukan mereka untuk menjadi satu kaum yang bersatu di hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, beliau akan sentiasa diingati dan dikenang kerana peranan yang dimainkan olehnya bersama dengan Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra dan Yang Berbahagia Tun Tan Cheng Lock semasa kita memperjuangkan kemerdekaan. Selepas berkhidmat sebagai anggota Kabinet beliau masih cergas dalam sumbangannya kepada masyarakat. Sebagai Pengerusi Lembaga Perpaduan Negara beliau sendiri telah menjadi lambang perpaduan negara. Ke arah ini beliau telah bertungkus lumus cuba menambah taraf pembahagian berbagai kaum di negara ini. Sesungguhnya beliau juga adalah bersama bertanggungjawab memupuk keamanan, muhibbah dan keharmonian yang kita nikmati bersama pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun saya tidak berapa kenal dengan beliau secara dekat tetapi saya telah mengikuti perjuangannya. Saya juga turut serta bersimpati dengan Ahli-ahli Dewan Negara yang telah berucap sebentar tadi.

Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak PPP atau Parti Kemajuan Rakyat saya menyertakan ucapan takziah kepada Toh Puan Omma Sambanthan serta keluarganya.

4.07 ptg.

Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf: Tuan Yang di-Pertua, saya turut bangun dalam Dewan ini menyokong usul merakamkan perasaan dukacita yang amat sangat di atas kematian Yang Berbahagia Tun (Dr) V. T. Sambanthan, Pengerusi Lembaga Perpaduan Negara yang juga bekas Menteri Kabinet.

Bagi pihak Parti Berjaya dan juga Barisan Nasional Sabah dan juga bagi pihak saya sendiri kami ingin turut menyampaikan ucapan seikhlas-ikhlas takziah kepada balu dan keluarga mendiang Tun (Dr) V. T. Sambanthan.

Tuan Yang di-Pertua, tiap-tiap yang bernyawa mengikut undang-undang alam ini tentulah akan berakhir juga. Inilah satu-satunya kehendak Tuhan yang tidak dapat diatasi oleh manusia. Seterusnya mengikut peraturan alam juga dunia ini akan terus berputar dan saling berganti. Menyedari hakikat ini, kepergian pemimpin-pemimpin yang berpengalaman dan berjasa itu tidaklah seharusnya diambil sebagai mendorong me-

lemahkan semangat pemimpin-pemimpin yang masih ada pada hari ini. Di hadapan kita terbentang cabaran dan perjuangan hidup yang perlu diteruskan. Oleh itu kita harus membaharui tekad kita untuk meneruskan perjuangan atau usaha-usaha yang ditinggalkan oleh pemimpin-pemimpin kita yang telah pergi itu. Kegigihan mereka menghadapi berbagai cabaran dan dugaan dalam perjuangan hidup memperjuangkan kemerdekaan tanahair seharusnya menjadi contoh tauladan dan panduan kita bersama.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai pemimpin yang baharu saya sendiri belum berkesempatan mengenali mendiang Yang Amat Berbahagia Tun (Dr) V. T. Sambanthan dengan lebih dekat, namun demikian saya telah dapat mengikut perkembangan-perkembangan dalam negara ini dan saya dapati mendiang itu adalah seorang pemimpin yang terkenal bukan sahaja di negara ini tetapi juga di negara-negara antarabangsa. Walaupun barangkali Sarawak dan Sabah terletak di sebelah timur menyeberangi lautan China Selatan namun demikian mendiang Tun telah membuat lawatan beberapa kali ke Sabah. Peranan Tun Sambanthan yang agak penting ialah sebagai Pengerusi Lembaga Perpaduan Negara. Selaku Pengerusi Lembaga, mendiang telah memainkan peranannya berusaha menyatupadukan rakyat yang berbilang kaum di negara ini dengan mengadakan berbagai-bagai kegiatan lembaga seperti Kelas Perpaduan Negara dan lain-lain lagi. Perpaduan Nasional tentu sahaja tidak dapat dinafikan sebagai satu faktor yang penting dalam pembangunan.

Dalam bidang ekonomi, sosial dan politik adalah satu perkara yang ada hubungannya dengan perpaduan negara ini. Dasar Ekonomi Baru yang dirangka oleh Kerajaan adalah menuju ke arah ini untuk menyusun semula masyarakat dan merapatkan lagi jurang berbezaan antara yang berada dengan yang tidak berada. Oleh itu saya rasa kenalah pada tempatnya bagi kita rakyat sekalian untuk berusaha bersungguhsungguh ke arah kemajuan dan perpaduan negara. Hanya dengan adanya muhibbah seperti yang telah ditunjukkan dan yang telah dijalankan usaha-usahanya oleh mendiang Tun itu maka kemajuan dan juga keutuhan yang ada di negara kita ini akan dapat berjalan dengan lebih licin dan lebih berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

4.10 ptg.

Tan Sri Datuk Dr C. Sinnadurai: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak mengucapkan sepatah dua kata menyokong Usul merakamkan Ucapan Takziah di atas kematian mendiang Tun Sambanthan yang sangat-sangat mulia dan dihormati oleh masyarakat. Beliau adalah berjaya di dalam penghidupan dan jasa-jasa beliau terhadap keseimbangan masyarakat berbilang kaum dan bersatu padu.

(Dengan izin) And what more, to instill among its adherent a sense of value so necessary to dignified survival.

Tuan Yang di-Pertua, saya menambah lagi. It takes the grey and the golden minute, a tear as well as a smile, the heart that has sorrow and gladness in it to fashion a life worthwhile. Ini adalah mendiang Tun Sambanthan untuk mencapai cita-citanya. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

4.12 ptg.

Tuan Oh Siew Aun: Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Gerakan Rakyat Malaysia saya bangun untuk menyokong usul yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Tak Berpotfolio di Jabatan Perdana Menteri.

Kematian Yang Berhormat Tun V. T. Sambanthan pada 18hb Mei, 1979 lalu adalah satu peristiwa yang menyedihkan dan merupakan satu kehilangan yang besar kepada kita semua di dalam Barisan Nasional. Beliau ialah Persiden yang kelima MIC dan berkhidmat sebagai Presiden selama 17 tahun mulai tahun 1955 sehingga tahun 1973.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang ditegaskan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sebentar tadi, mendiang Tun V. T. Sambanthan merupakan salah satu tokoh kebangsaan dan negarawan yang terkenal sekali. Bersama-sama dengan pemimpin-pemimpin lain beliau telah berjaya memperjuangkan kemerdekaan untuk tanahair kita dan mengekalkan muhibbah dan keharmonian di antara kaum-kaum yang berada di tanahair kita.

Selepas beliau bersara sebagai Menteri Kabinet, beliau telah memimpin Lembaga Perpaduan Negara selama beberapa tahun. Dalam jawatan ini beliau terus berjuang

untuk keharmonian dan kestabilan negara sehingga beliau meninggal dunia pada 18hb Mei, 1979. Mendiang Tun V. T. Sambanthan adalah seorang yang menandatangani Perjanjian Kemerdekaan di London dalam tahun 1957 dan oleh yang demikian beliau bolehlah dianggap sebagai salah seorang pengasas negara ini. Di dalam perlantikannya sebagai Menteri Kabinet beliau telah banyak memberi sumbangan terhadap kejayaan dasardasar dan perkembangan Kerajaan kita. Beliau adalah seorang rakyat Malaysia tulin yang mempunyai penuh minat terhadap negara ini secara jujur dan ikhlas serta sentiasa menaruh perhatian terhadap perpaduan di kalangan rakyat Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, orang yang mengenali mendiang Tun Sambanthan mengatakan bahawa beliau merupakan seorang pemimpin yang sederhana dalam cara kehidupannya. Barangkali itulah menjadi sebab mendiang Tun Sambanthan mendapat populariti yang tinggi sekali di golongan masyarakat yang miskin khasnya pekerja-pekerja kebun getah dan kelapa sawit di seluruh Semenanjung Malaysia. Masalah kemiskinan luar bandar yang mendiang Tun Sambanthan cuba untuk menghapuskan telah dikurangkan tetapi masih banyak usaha-usaha dan kerja-kerja yang perlu dibuat supaya kemiskinan boleh dihapuskan.

Marilah kita bersama-sama meneruskan perjuangan mendiang Tun Sambanthan menghapuskan kemiskinan khasnya di kalangan pekerja-pekerja kebun.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga hendak mengambil peluang ini untuk merakamkan ucapan takziah kepada keluarga mendiang Tun Sambanthan. Moga-moga Tuhan mencucuri rahmat ke atas rohnya.

4.15 ptg.

Tuan Kamarul Ariffin bin Mohamed Yassin: Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyamakan perasaan saya dengan sentimen-sentimen yang baru sahaja dihamburkan oleh sahabat-sahabat saya dalam Dewan yang mulia ini terhadap kematian mendiang Tun Sambanthan.

Mungkin saya tidak kenal kepada mendiang Tun Sambanthan lebih dekat seperti Tuan Yang di-Pertua sendiri atau Yang Berhormat Tan Sri Ghazali Jawi yang mana kedua-duanya telah menjadi rakan Kabinet

tetapi saya mula kenal agak rapat juga dengan mendiang Tun Sambanthan sebetulnya di dalam Dewan yang mulia ini, bukannya sebagai Dewan Negara tetapi pada masa itu sebagai Majlis Perundingan Negara setelah timbulnya kacau bilau pada tahun 1969.

Perasaan-perasaan yang dikemukakan oleh mendiang Tun Sambanthan dalam persidangan Majlis Perundingan Negara itu telah menunjukkan betapa besar harapannya untuk menyatukan kaum-kaum yang ada di negara kita. Dan tidak hairanlah sehingga ke akhir hayatnya beliau menyandang jawatan sebagai Pengerusi Lembaga Perpaduan Negara.

Selain daripada tugas-tugas mulia yang telah dijalankan oleh mendiang Tun Sambanthan, saya rasa sejarah juga akan mengukur kejayaan mendiang Tun Sambanthan atas kerja-kerja yang telah dilaksanakan dan yang telah dirancangan oleh beliau semasa menjadi Pengerusi Lembaga Perpaduan Negara. Dan izinkan saya, Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak anggota UMNO mengucapkan perasaan takziah yang tidak terhingga kepada balu mendiang Tun Sambanthan, Toh Puan Uma Sambanthan serta keluarganya.

4.18 ptg.

Tan Sri Haji Mohd. Ghazali bin Haji Jawi: Tuan Yang di-Pertua, saya telah duduk di sini beberapa lama belum bercakap lagi tetapi pada hari ini saya mengambil peluang bercakap sepatah dua menyokong cadangan yang dibawa oleh Menteri Tak Berpotfolio memberi takziah kepada balu dan keluarga mendiang Tun Sambanthan yang telahpun meninggalkan kita dalam bulan Mei tahun ini.

Saya rasa di kalangan Ahli Dewan ini, sayalah yang mula sekali kenal dengan Tun Sambanthan ini iaitu sejak daripada tahun lima puluhan iaitu dalam tahun 1953-1954 bersama-sama dengan saya di Perak memperjuangkan Kemerdekaan bagi negara kita ini. Pada masa itu UMNO di dalam kocar-kacir dan pada masa itu juga kita sedang menghadapi perjuangan bagi mencapai Kemerdekaan menentang penjajahan dan sebagainya.

Kami di Perak pada masa itu bukan sahaja terpaksa menentang penjajahan, tetapi

kami juga terpaksa menentang pemimpin-pemimpin kita yang ada di dalam negeri itu yang tidak sebulu dengan perjuangan kita.

Dengan adanya sokongan yang kuat daripada kaum India yang dipimpin oleh Tun V.T. Sambanthan dan oleh kaum China yang dipimpin oleh mendiang Tun Leong Yew Koh maka perpaduan rakyat yang ada dalam negeri Perak pada masa itu bolehlah dikatakan setanding dengan perpaduan dan sokongan yang didapati di mana-mana negeri juga di dalam Malaya pada masa itu.

Tun V.T. Sambanthan tidak menghiraukan kesusahan, tidak menghiraukan masa bahkan sentiasa berada di kalangan rakyat berjuang bersama-sama dengan rakyat, memimpin rakyat bukan sahaja rakyat keturunan India bahkan rakyat semua kaum yang ada dalam negeri Perak pada masa itu dan selepas daripada tahun 1955 beliau telah meningkat menjadi Presiden MIC dan memimpin kaum India keseluruhannya dan Bangsa Malaysia atau Malaya pada masa itu keseluruhannya. Beliau telahpun mendapat sokongan yang kuat daripada seluruh rakyat dan beliau juga telah bersama-sama dengan pemimpin-pemimpin lain di dalam memperjuangkan kemerdekaan ini.

Selepas daripada perjuangan di Perak itu, saya juga telah sempat bersama-sama dengan beliau di dalam Kabinet Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman sejak daripada tahun 1965 sehinggalah ke tahun 1974 dan saya percaya, saya telah mendapat banyak tunjuk ajar, banyak sokongan daripada Yang Amat Berbahagia Tun V.T. Sambanthan.

Saya mengambil peluang di sini mengucapkan terima kasih kepadanya walaupun dia sudah pergi di atas pimpinan dan tunjuk ajar yang telah diberi dan saya harap beliau akan dapat rihat dengan baiknya di akhirat. Saya juga di sini berharap kepada balu mendiang itu dan keluarga mendiang itu yang berada di Sungai Siput akan bersabar di atas kehilangan pemimpin itu dan saya berharap kepada rakyat yang ada seluruhnya supaya menjadikan Tun V.T. Sambanthan sebagai contoh kepada kita di dalam perjuangan kita untuk mendapat perpaduan kaum di dalam negara kita ini.

Jadi setakat inilah sahaja saya sekali lagi mengucapkan terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Dewan ini merakamkan perasaan dukacita yang amat sangat di atas kematian Yang Amat Berbahagia Tun (Dr) V.T. Sambanthan, Pengerusi Lembaga Perpaduan Negara dan bekas Menteri Kabinet pada 18hb Mei, 1979 dan menyampaikan ucapan takziah kepada keluarganya.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, untuk mengenangkan jasanya, saya minta Ahli-ahli Yang Berhormat berdiri bersama saya bertafakkur selama satu minit.

(Majlis bertafakkur selama satu minit)

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG ACARA KEWANGAN (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.23 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan (Datin Paduka Rafidah Aziz): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Rang Undang-undang bernama "Suatu Akta Untuk Meminda Acara Kewangan 1957" dibaca bagi kali yang kedua.

Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, Kerajaan akan melipatgandakan usaha-usaha di dalam pelaksanaan projek-projek di bawah Rancangan Malaysia Ketiga dan akan mengambil langkah-langkah tertentu bagi menjamin pencapaian Dasar Ekonomi Baru. Seajar dengan tujuan ini, jentera-jentera pentadbiran Kerajaan akan diperkemas dan apa-apa kepincangan diperbaiki.

Tuan Yang di-Pertua, suatu kepincangan yang diperhatikan ialah berhubung dengan pembayaran kepada pemborong-pemborong yang mendapat kontrak dengan Kerajaan.

Adalah didapati bahawa pembayaran-pembayaran kepada pemborong-pemborong ini kadangkala tidak dibuat mengikut tempoh-tempoh yang telah ditetapkan. Keadaan ini perlulah dielakkan oleh kerana ianya mempunyai akibat-akibat yang serius ke atas usaha-usaha Kerajaan di dalam pembangunan negara dan Dasar Ekonomi Baru. Amalan ini secara tidak langsung telah menambahkan kos perolehan-perolehan/kontrik-kontrik Kerajaan dan di samping itu boleh menjatuhkan imej Kerajaan.

Dengan kelewatan-kelewatan ini pemborong-pemborong kecil khususnya, telah mengalami kesulitan-kesulitan kewangan yang boleh mengakibatkan kerugian yang besar dan mengancam "solvency" mereka. Keadaan ini sudah tentu akan membunuh minat pemborong-pemborong tersebut untuk berkecimpung dalam bidang ini seperti yang dihasratkan oleh Kerajaan. Oleh yang demikian, perkara ini patutlah diberi perhatian yang berat oleh semua pihak.

Dengan menghitung segala akibat buruk yang timbul daripada kelewatan-kelewatan pembayaran kepada pemborong-pemborong ini, Kerajaan mendapati perlu untuk mengambil langkah-langkah yang sewajarnya bagi mengelakkan keadaan ini daripada berlanjutan.

Kementerian Kewangan telah menyelidik punca-punca kelewatan Jabatan-jabatan di dalam urusan pembayaran kepada pemborong-pemborong dan mendapati bahawa pokok pangkalnya adalah terletak kepada pegawai-pegawai dan kakitangan-kakitangan yang bertanggungjawab secara terus dalam urusan tersebut. Dengan itu, sebagai satu langkah yang sesuai yang harus diambil, Kerajaan mencadangkan supaya tindakan surcaj dikenakan ke atas kakitangan-kakitangan Kerajaan yang sengaja melewatkan pembayaran kepada pemborong-pemborong. Di bawah Seksyen 18, Akta Acara Kewangan 1957, yang berkuatkuasa pada masa ini, tindakan surcaj untuk tujuan tersebut tidak dapat diambil. Dengan yang demikian, maka dicadangkan supaya Akta tersebut dipinda dengan sewajarnya bagi membolehkan Kerajaan mengambil tindakan surcaj ke atas kakitangan Kerajaan yang didapati lewat-melewatkan pembayaran kepada pihak awam.

Tindakan seterusnya juga sedang ditimbang oleh Kementerian Kewangan bagi satu peraturan baru diwujudkan supaya tindakan "surcharge" terhadap pegawai-pegawai Kerajaan yang terlibat itu dapat dikendalikan dengan cara yang lebih segera tanpa mengikut saluran biasa yang terdapat di ketika ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Law Hieng Ding: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Acara Kewangan, 1957, dibacakan kali kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

4.30 ptg.

Tuan Kamarul Ariffin bin Mohamed Yassin: Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan terima kasih kepada Kerajaan kerana membawa pindaan kepada Akta Acara Kewangan, 1957 dan dengan adanya pindaan yang dikemukakan ini, saya berharap mereka yang mendapat kontrek daripada Kerajaan boleh sedikit-sebanyaknya menikmati kontrek-kontrek yang diberi itu atau dengan erti kata lain, kita telah sedia maklum bahawa ramai daripada pemborong-pemborong terutamanya daripada pemborong kecil seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi telah mengalami kesusahan semasa hendak menjalankan kontrek-kontrek itu disebabkan oleh kelewatan pembayaran oleh pegawai-pegawai Kerajaan yang tertentu. Oleh kerana banyak kontrek-kontrek Kerajaan yang akan dijalankan nanti di bawah Rancangan Malaysia Ketiga dan seterusnya maka sudah tentu jikalau perkara ini tidak diatasi maka ini akan menyulitkan lagi pemborong-pemborong kecil atau juga pemborong-pemborong sederhana atas kelalaian ataupun kelewatan pegawai-pegawai tertentu membayar wang yang sepatut dibayar kepada mereka yang berhak menerimanya.

Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun pindaan ini pada zahirnya baik tetapi saya suka meminta sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri atas perlaksanaannya. Kalau kita memerhatikan peruntukan di

bawah Akta Acara Kewangan, Seksyen 18 ini maka yang bertanggungjawab di atas perkara bayaran tokok (surcharge) ini ialah Suruhanjaya Perkhidmatan yang berkenaan iaitu boleh jadi Suruhanjaya Perkhidmatan di peringkat pusat ataupun Suruhanjaya di peringkat negeri. Jadi kalau kita baca pada keseluruhannya Seksyen 18 ini, saya tak tahulah sama ada cara begini adalah satu cara yang berkesan kerana kalau kelewatan berlaku dari segi pembayaran dan pembayaran itu patut dibuat oleh seorang pegawai Kerajaan maka terpaksalah pihak Suruhanjaya Perkhidmatan mengendalikan perkara ini. Ini bermakna seorang kontraktor yang terlibat di dalam perkara ini yang mengalami kesusahan ataupun mengalami kelambatan pembayaran, kontraktor itu terpaksa membuat laporan kepada Suruhanjaya Perkhidmatan dan saya tak tahulah sama ada langkah-langkah yang akan diambil oleh Suruhanjaya Perkhidmatan ini berkesan atau sebaliknya. Seperti yang kita sedia maklum tugas-tugas lain yang dijalankan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan ini memang banyak untuk mengambil orang-orang yang belum cukup lagi, itu sudah menjadi satu tugas yang besar dan sama ada Suruhanjaya Perkhidmatan ini betul-betul boleh melaksanakan itu masih menjadi tandatanya kepada saya.

Saya suka bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri daripada pengalaman yang ada setakat ini di bawah peruntukan-peruntukan lain di bawah Seksyen 18 yang sama, apakah yang telah dijalankan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan ini. Adakah umpamanya Suruhanjaya Perkhidmatan ini telah mengambil tindakan kepada pegawai-pegawai Kerajaan yang menyalahgunakan kuasa seperti di bawah Seksyen 18(c) yang ada sekarang ini? Kalau Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh memberi contoh kepada kita umpamanya kes-kes yang mana Suruhanjaya Perkhidmatan telah mengambil tindakan, mungkin ini akan menggambarkan satu pandangan yang baik kepada orang-orang yang terlibat di bawah perkara ini.

Saya rasa, Tuan Yang di-Pertua, orang yang lebih tepat sekali mengkaji perkara ini ialah satu orang yang bebas seperti yang pernah saya sarankan di Dewan yang mulia ini, iaitu orang seperti yang memegang teraju sebagai Pesuruhjaya Parlimen (Parliamentary Commissioner) atau seorang

Ombudsman, dahulu pernah saya menyarankan. Kerana kalau kita melihat tugas-tugas Ombudsman ataupun Parliamentary Commissioner di negara-negara lain salah satu daripada tugas-tugas mereka ialah memastikan tak ada pegawai-pegawai Kerajaan melewati-lewatkan kerja-kerja Kerajaan ataupun pembayaran kepada bayaran yang patut dibayar. Jadi tugas-tugas Ombudsman atau Parliamentary Commissioner ini agaknya jelas di negara-negara yang mempunyai Ombudsman atau Parliamentary Commissioner ini. Tetapi di negara kita ini oleh kerana kita belum lagi mempunyai satu jawatan yang sama maka nampaknya mereka yang terpaksa mengawasi kelewatan pembayaran ini terletaklah kepada Suruhanjaya Perkhidmatan. Jadi saya tak tahu dari segi praktiknya sama ada badan ini akan menjadi badan yang memadai untuk memastikan supaya tiada lagi kelewatan berlaku bagi membayar kepada konrektor-konrektor yang berhak menerimanya.

Saya lihat juga di sini di bawah peruntukan yang sama, ada perenggan yang mengatakan: "Jikalau penjelasan yang memuaskan telah dibuat atau telah diberi oleh pegawai tertentu kepada Suruhanjaya Perkhidmatan maka bayaran tokoh ini tidak akan dikenakan." Inilah akan menimbulkan masalah kebebasan (independence) Suruhanjaya Perkhidmatan tadi. Saya tak mahu oleh kerana dia hendak menjaga juga kedudukan pegawai-pegawai Kerajaan maka Suruhanjaya Perkhidmatan mungkin berat sebelah. Rasa saya tak patut saya membuat anggapan yang demikian kerana saya memang anggap Suruhanjaya Perkhidmatan memanglah tidak berat sebelah. Tetapi dalam masalah semacam ini, masalah yang melingkungi satu pertikaian, satu pengadilan maka perkara ini rasa saya penting. Biarlah orang yang hendak membuat keputusan ini seorang yang betul-betul bebas yang mengerti bahawa kelewatan atau ke-lambatan itu memang disengajakan dan dengan tidak mempunyai alasan-alasan yang menasabah. Jadi orang yang akan mengenakan surcaj itu atau yang akan membuat perintah itu biarlah kalau orang yang membuat keputusan begitu ialah orang yang mempunyai kuasa seperti seorang Ombudsman atau seorang Pesuruhjaya Parlimen.

Saya sukalah mendapat sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri atas masalah ini dan atas masalah

yang telah saya kemukakan untuk meyakinkan bahawa niat Kerajaan ini iaitu niat baik dapat dilaksanakan.

Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang yang dikemukakan ini.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditempokkan selama 15 minit.

Persidangan ditempokkan pada pukul 4.40 petang.

Persidangan disambung semula pada pukul 5.00 petang.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak.

5.00 ptg.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong dengan sepenuh-penuhnya Rang Undang-undang ini. Saya menyokong oleh kerana bukan sahaja pemborong-pemborong bumiputra yang berterima kasih kepada Kerajaan tetapi segala kontraktor di tanah air kita terhadap meminda Akta Acara Kewangan 1967. Tuan Yang di-Pertua, barangkali pegawai-pegawai Kerajaan dan juga Yang Berhormat Menteri tidak tahu bagaimana kerja-kerja pemborong di tanah air kita ini.

Pada masa dahulu, pemborong-pemborong ini jikalau hendak mendapatkan progress payment ataupun pembayaran daripada kerja-kerjanya terpaksa menanti di pejabat-pejabat, katakanlah, Pejabat Kerja Raya, dia pergi ke Pejabat Kerja Raya nanti bila wangnya itu akan dibayar terutama pemborong bumiputra. Dikatakan baucer telah dibuat dan sudah dihantar kepada Perbendaharaan Kerajaan Negeri, dia pergi juga dan nanti macam orang minta sedekah, sehari-hari dia menanti. Itu belum lagi dipanggil tetapi tunggu sahaja. Kalau pemborong ini bertanya dia marah, dia tunggulah macam hamba. Pegawai-pegawai Kerajaan atau kerani-kerani dalam pejabat itu fikirkan wang ini wang dia, dia tidak tahu yang pemborong-pemborong ini, Tuan Yang di-Pertua, wang ini adalah

wang pemborong bekerja dengan titik pelohnya di atas kerja yang dilakukan. Tetapi difikirkan oleh orang-orang ini sebagai wang pemberian daripada Kerajaan.

Inilah perbezaannya di antara pemborong yang telah bekerja dengan tenaga atau khidmatnya kepada Kerajaan untuk membina, terutama sekali di dalam rancangan-rancangan Kerajaan bagi melaksanakan Rancangan Malaysia Pertama, Kedua, Ketiga, Keempat, Kelima dan seterusnya. Tetapi fikiran ini mestilah ditanamkan betul-betul di kepala tiap-tiap pegawai daripada rendah sampai ke atas termasuk Menteri-nya sekali.

Saya hendak ceritakan oleh kerana, Tuan Yang di-Pertua, ini perkara terjadi kepada semua bukan sahaja kepada bumiputra tetapi kepada lain-lain pemborong yang berjumpa dengan kerani. Kerani kata nanti esok, pergi lagi esok, katanya lusa dan baucer belum sampai lagi padahal baucer sudah sampai. Ini barangkali, ada setengah-setengahnya—saya tidak menuduh secara membuta tuli—tetapi ini berkehendakkan wang sedikit sebanyak. Katalah pembayaran \$10,000-\$15,000, kontraktor ini atau pemborong ini tidak sayang kalau lambat 15 hari, tetapi dia membayar pekerja-pekerja dan sebagainya bagaimana, tidak sayang memberi \$100, \$200, \$300 dikehendaki oleh kerani-kerani di dalam Treasury. Saya bukan menuduh tetapi beginilah cara pemborong-pemborong menjadi mangsa, yang mereka ini telah bekerja untuk pembangunan negeri. Jadi, barangkali Kerajaan telah sedar dalam hal ini terutama sekali kontraktor bumiputra, pemborong bumiputera telah mengadu kepada Kerajaan, banyak pengaduan-pengaduan telah dibuat baharulah diambil tindakan seperti ini.

Tuan Yang di-Pertua, tindakan yang diambil ini saya minta dijalankan seperti apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi iaitu dijalankan secara betul-betul. Kalau tidak, Kerajaan akan rugi, Kerajaan akan menanggung kerugian yang berat. Jikalau kerani-kerani dan pegawai-pegawai tidak menjalankan tugasnya, kontraktor-kontraktor akan mengadu kerana kelambatan pembayaran dan surcharge terpaksa Kerajaan membayarnya maka bermelion ringgit Kerajaan akan rugi atas soal ini. Dengan sebab itu, Tuan Yang di-Pertua, saya harap kepada pihak yang bertanggungjawab apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat

Senator mula-mula tadi iaitu Suruhanjaya Perkhidmatan ini mestilah bukan sahaja bebas tetapi juga mesti berpengalaman dan juga jangan sekali-kali mendengarkan laporan-laporan daripada pegawai. Kalau misalnya lambat disalahkan kepada kontraktor-kontraktor, ini selalu begini. Selalunya laporan-laporan yang diberikan oleh pegawai-pegawai tadi disetujui oleh Suruhanjaya Perkhidmatan dan tidak mendengar sebab-sebab daripada pihak kontraktor atau pemborong ini. Ini selalunya disalahkan kepada pemborong sahaja. Dengan sebab itu kita berkehendakkan bebas betul-betul. Kalau tidak apa sahaja tujuan Kerajaan yang baik dan murni tidak dapat dibuat dan dijalankan dengan sempurna. Itu sahaja saya fikir yang Kerajaan mesti membuatnya. Tuan Yang di-Pertua, banyak pemborong-pemborong bumiputra telah jatuh perniagaannya di atas pembayaran-pembayaran ini, bukan sahaja disebabkan daripada ini tetapi juga pangkalnya iaitu daripada pejabat-pejabat yang berkenaan. Misalnya, Public Works, pegawai-pegawai yang bertanggungjawab tidak memberi layanan-layanan yang tertentu sebab ini saya tahu terutama sekali kepada kontraktor-kontraktor bumiputra, kita hendak menyenangkan mereka supaya mereka ini dapat meneruskan perjalanan constructionnya dengan baik. Dengan sebab itu mestilah ditengok dari pangkal di mana pejabat-pejabat yang bertanggungjawab juga tidak mahu memberi pembayaran daripada mulanya. Jadi, daripada pejabat-pejabat yang berkaitan sampai kepada Treasury mestilah Kerajaan menengok terutama sekali kepada bumiputra.

Selain daripada itu tidak ada apa-apa lagi yang saya hendak kemukakan dan saya mengucapkan terima kasih di atas Rang Undang-undang ini. Saya harap Rang Undang-undang ini dapat dijalankan dengan betul-betul bebas dan juga dapat kita menengok supaya kontraktor atau pemborong bumiputra dapat menjalankan tugas-tugasnya dengan baik.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Dato' Sulaiman Ninam Shah.

5.08 ptg.

Dato' Sulaiman Ninam Shah: Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengambil bahagian berucap dalam meminda Akta Acara Kawangan 1967.

Pertama sekali, saya mengucapkan ber-banyak-banyak terima kasih kepada pihak Kerajaan yang membawa pindaan ini. Dengan membawa pindaan ini tentu pihak Kerajaan sudah dapat tahu lebih awal lagi masalah-masalah yang dihadapi oleh pemborong-pemborong atau kontraktor-kontraktor yang ada di tanah air kita ini terutama sekali saya fikir kontraktor bumiputra.

Tuan Yang di-Pertua, saya memang tahu betul dalam perkara ini, lebih-lebih lagi dalam masa dua tiga empat bulan yang lepas ini, saya menjelajah ke seluruh tanahair kerana Dewan Perniagaan Melayu ada mesyuarat-mesyuarat agong di tiap-tiap negeri. Masalah yang dibawa salah satu daripada yang besar ialah masalah pembayaran. Jadi dengan sebab pembayaran inilah beberapa banyak pemborong, kontraktor terutama sekali bumiputra telah gulung tikar. Pepatah orang Melayu kata, cakup mati emak tak cakup mati bapak dalam perkara ini. Kalau meneadu kepada pihak Kerajaan, lagi azab pemborong-pemborong ini. Dia mendiamkan diri pun dia azab juga, dia mati. Inilah yang saya kata cakup mati emak tak cakup mati bapak. Akta yang dibawa oleh Kerajaan ini sangat-sangat baik, saya menjunjung tinggi, tetapi saya berharap dilaksanakan dengan sebenar-benarnya. Jangan hanya indah khabar dari rupa, dibawa sahaja Akta, tetapi Akta nama Akta sahaja, tidak ada guna kepada yang berkenaan. Saya mengambil satu contoh, Menteri yang berkenaan menjawab soalan saya dalam Dewan yang lepas, "pendahuluan diberi kepada bumiputra sebanyak 15% untuk menyenangkan pemborong-pemborong bumiputra".

Saya sudah round seluruh tanahair dalam masa tiga bulan ini bersama-sama dengan Yang Berhormat Senator Kamarul Ariffin, Yang di-Pertua Dewan Perniagaan Melayu, tidak seorang bumiputra yang dapat. Menteri baik, Kerajaan baik semua bagus, perlaksanaannya tidak baik. Di mana sangkut perlaksanaannya? Di dalam Bill ini diadakan surcharge. Kita tidak mahu ini semua; kita tidak mahu dapat interest. Kita mahu dibayar dengan seberapa lekas yang boleh. Barangkali Menteri yang berkenaan mengatakan pembayaran ini boleh dibuat dalam masa dua minggu atau sebulan. Tetapi Menteri yang berkenaan hendaklah ingat pada masa sekarang bahan-bahan binaan yang dibeli oleh pemborong, saya tidak bercakap hari ini atas nama bumiputra sahaja, bahkan kepada

pemborong semua bangsa, baik besi, simen, kayu dan sebagainya barang yang mustahak semua dengan bayaran tunai. Kalau pembayaran cek ini memakan masa daripada jabatan yang berkenaan kepada bumiputra dalam masa sebulan lebih, kita mesti bayar tiap-tiap pembayaran itu dengan tunai dalam masa dua minggu, ini yang memberatkan. Sebab itu saya nampak Kerajaan cukup baik tentang langkah yang dibuat, dia beri pendahuluan 15% kepada pemborong-pemborong. Ini bukan kepada pemborong bumiputra sahaja bahkan kepada semua pemborong tetapi perlaksanaannya tidak berjalan sampai pada hari ini.

Jadi, saya menyokong sangat kuat Akta yang dibawa pada hari ini tetapi jangan dibawa begitu sahaja. Ini macam menggulakan kita. Beri kita gula-gula tetapi rasanya sangat pahit. Ini kita tidak mahu. Kita mahu diberi gula-gula, gula-gula itu betul-betul berasa manis yang dapat nikmat kepada yang berkenaan. Ini harapan saya.

Saya tidak hendak bercakap yang lain dalam perkara ini, memadai dengan itu sahaja, mudah-mudahan pihak Kerajaan dapat melaksanakan dengan bersungguh-sungguh dalam perkara ini.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Tuan Haji Khalid bin Haji Abdullah.

5.15 ptg.

Tuan Haji Khalid bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, di samping saya mengalu-alukan Rang Undang-undang ini saya juga ingin menyampaikan sedikit pendapat yang saya fikir akan dapat memberi faedah kepada semua orang.

Pada pandangan saya telah menjadi satu kebiasaan kepada Kerajaan kita setiap perkara yang ditimbulkan kita mengadakan undang-undang untuk mengatasi masalah yang ada pada kita dan kita memberi pandangan yang amat sedikit kepada orang yang hendak melaksanakan peraturan-peraturan yang dibuat. Dengan perkataan yang lain, kita terlalu banyak menekankan di segi mengadakan undang-undang, tetapi kita kurang memberi tekanan (emphasis) kepada latihan kepada pegawai-pegawai yang bersabit atau yang bersangkutan dengan khususnya bayaran-bayaran kepada pemborong-pemborong atau pembekal-pembekal. Walaupun sepintas lalu

pada hemat saya Undang-undang ini mungkin boleh menjadi satu bantuan hanya kepada pemborong-pemborong yang membuat bekalan sahaja. Manakala pemborong-pemborong yang membuat bangunan oleh kerana penentuan di atas satu-satu progress payment itu adalah rumit, maka saya tidak nampak lagi bahawa Undang-undang ini akan dapat membantu ke arah penyegeraan pembayaran kepada pemborong-pemborong bangunan.

Sepertimana saya sebutkan tadi boleh dikatakan sebahagian besar daripada pegawai-pegawai di peringkat executive atau di peringkat pelaksanaan pembayaran ini nampaknya tidak begitu faham tentang akibat-akibat sesuatu bayaran daripada Kerajaan. Sebenarnya kepada pemborong-pemborong yang cekap dan kepada pemborong-pemborong yang terlatih yang mengetahui sifat-sifat pembayaran ini mereka terlebih dahulu telah menokokkan kadar interest itu di dalam usaha-usaha ataupun di dalam harga-harga tawaran mereka. Dengan sebab kelewatan bayaran ini Kerajaan telah membayar satu harga yang lebih daripada harga yang sepatutnya.

Satu contoh yang saya dapat sebutkan di sini, satu bangunan yang dibuat oleh Kerajaan dengan satu bangunan lain yang dibuat oleh pihak swasta sudah pasti ada perbezaan harga di antara harga yang dibayar oleh Kerajaan dengan yang dibayar oleh swasta mungkin di antara 10% hingga 20%. Ini hanya disebabkan tidak begitu banyak sistem birokratik atau sistem berperingkat-peringkat. Jadi selalunya pihak swasta dapat membeli atau membangunkan bangunan-bangunan lebih murah daripada apa yang dapat dibangunkan oleh Kerajaan. Pada hakikatnya atau pada sebenarnya, kelambatan ini bukan sahaja merosakkan industri-industri yang hendak bangun tetapi juga menambahkan perbelanjaan Kerajaan yang tidak sepatutnya berlaku. Perkara-perkara yang semacam inilah patut difahami oleh pegawai-pegawai ataupun pihak-pihak yang melaksanakan pembayaran kepada setiap bayaran yang tertanggung kepada Kerajaan.

Satu contoh yang sehabis ringkas yang mana saya sendiri telah mengelolakan satu projek; bukan sebagai pemborong tetapi sebagai Pengerusi kepada sebuah bangunan, yang mana bangunan yang lebih kurang serupa kawasan lantainya (floor area) tetapi harga yang ditawarkan oleh Jabatan

Kerja Raya jauh lebih daripada apa yang dapat ditawarkan kepada Akitek swasta. Dan saya boleh membuktikan hal ini bila-bila masa yang diperlukan. Oleh itu saya mengalu-alukan juga Undang-undang ini kerana pada pendapat saya sebahagiannya dapat memberikan faedah kepada pembekal-pembekal tetapi saya belum nampak faedahnya kepada pemborong-pemborong bangunan ataupun pemborong-pemborong jalanraya dan sebagainya. Dan saya lagi sekali mengharapkan bahawa Kerajaan dengan tidak membuang masa lagi memberi latihan yang sepenuh-penuhnya supaya setiap mereka yang berkait di dalam perkara-perkara pembayaran ini dapat mengerti implikasi kerajaan yang terpaksa ditanggung oleh Kerajaan kalau mereka masih melambatlambatkan. Inilah sahaja dan saya menyokong Bill ini.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Datuk Haji Ahmad bin Arshad.

5.21 ptg.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun memberi sokongan atas satu Akta untuk meminda Akta Acara Kewangan, 1957.

Saya tidak dapat bercakap begitu panjang sebab perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat rakan saya tidak akan saya sentuh lagi. Cuma mungkin perkara yang menurut hemah saya supaya Rang Undang-undang ini dapat difikir, dikaji oleh Kerajaan dengan adanya pandangan-pandangan yang diberi oleh Ahli-ahli Dewan ini.

Tadi Yang Berhormat Menteri yang berkenaan telah menyatakan bahawa Rang Undang-undang ini bertujuan supaya dapat melicinkan, menyegerakan usaha-usaha projek yang ada kaitan dengan Dasar Ekonomi Baru. Masalah ini mungkin diketahui umum bahawa melalui Dasar Ekonomi Baru ini banyak usaha-usaha pembangunan yang sedang dilancarkan oleh Kerajaan dan di situ juga tumbuh banyak pemborong-pemborong sama ada pemborong kecil, besar, Bumiputra telah menyahut seruan Kerajaan mengambil segala usaha yang bersungguh-sungguh dalam usaha pemborongan ini.

Kita berterima kasih kepada Kerajaan selama ini khasnya pemborong Bumiputra telah membuat berbagai-bagai jeri'an, berbagai-bagai sungutan, berbagai-bagai rayuan

dikemukakan kepada pihak-pihak jabatan yang berkenaan. Tetapi kadangkala akhirnya tidak begitu berjaya dan tadi telah dicakapkan oleh Yang Berhormat rakan saya, ramai pemborong-pemborong kecil telah mati, tidak ada minat lagi hendak menjalankan usaha pemborongan.

Rang Undang-undang ini memberi kuasa kepada Suruhanjaya Perkhidmatan ini dan saya mengharapkan juga bahawa Suruhanjaya ini sebagai satu pagar; jangan pagar itu makan padi. Kalau sekiranya pagar ini makan padi, akan berulang lagi sungutan pemborong-pemborong kita, akan keciwa rancangan Kerajaan, akan gagal rancangan Dasar Ekonomi Baru yang akan dilaksanakan oleh Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam menyebut pemborong ini, saya kurang arif tentang masalah ini. Adakah kerja-kerja pemborong yang ada dibuat ini, pembangunan yang terhad kepada binaan-binaan Kerajaan daripada Jabatan Kerja Raya, Jabatan Parit dan Taliair atau termasuk dalam badan-badan berkanun. Kalau ini juga meliputi alangkah senangnya. Ini juga tidak kurang sungutan yang didatangkan oleh pemborong-pemborong kita yang membuat usaha-usaha dalam badan-badan berkanun Kerajaan.

Satu perkara yang saya harap Yang Berhormat Menteri memberkan perhatian, selalu diberitahu oleh pemborong-pemborong kecil kita khasnya pemborong Bumiputra mengatakan kalau wang peruntukan itu hendak segera dapat hendak digunakan "wang bawah meja". Saudara pemborong sebagai peniaga, saya sebagai orang yang bertanggungjawab hendaklah mengeluarkan wang ini. Kalau ada "wang bawah meja" boleh lekas wang ini keluar. Jadi ada kalanya orang datang dari jauh, Tuan Yang di-Pertua, saya contohkan macam saya di Johor. Segamat itu jauh, hendak ambil wang di Pejabat Perbendaharaan di Johor Bahru. Satu hari pergi kalau tidak betul layan, tidak ada "wang bawah meja" tidak boleh dapat. Kalau bayar "wang bawah meja" itu hari datang, itu hari juga boleh dapat. Jadi keadaan ini patut Yang Berhormat Menteri tolong perhatikan sebab orang yang berniaga ini suka beri "wang bawah meja" yang sedikit itu. Apa sahaja dapat wang, dia boleh bayar pula wang dia dapat itu bukan untung, hendak bayar gaji kuli-kuli, kadangkala pula wang modal itu dia pinjam duit ceti, dia

pinjam di mana-mana. Keadaan yang macam ini adalah membebankan pemborong-pemborong khasnya pemborong Bumiputra.

Alhamdulillah, Rang Undang-undang ini dapat dilaksanakan dan saya menyokong pandangan Yang Berhormat Datuk Sulaiman bahawa dengan adanya Rang Undang-undang ini jangan pula ianya tidak dapat dilaksanakan, tidak akan memberi faedah kepada pemborong-pemborong itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya harap usaha Kerajaan hendak membaiki pemborong-pemborong ini khasnya pemborong Bumiputra, Kerajaan telah mengadakan kursus, MARA telah mengadakan kursus usahawan Bumiputra, hendaklah dilanjutkan kuatkuasa Rang Undang-undang ini kepada pemborong-pemborong itu di mana ada kursus itu supaya mereka dapat mengetahui di mana tempat perlindungan, di mana pagar yang boleh diharapkan dan supaya dapat menghasilkan tuntutan-tuntutan.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang terjadi, saya harap pihak Kerajaan Pusat juga bilamana memberikan kewangan kepada Kerajaan Negeri hendaklah memerhatikan keupayaan Kerajaan Negeri itu. Jangan wang disampaikan kepada Kerajaan Negeri, Kerajaan Negeri tidak ada keupayaan, sebab tidak ada tenaga. Tatkala itu wang Kerajaan Pusat kepada Kerajaan negeri itu beku.

Satu contoh, Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Pusat telah memberikan kepada peniaga-peniaga Bumiputra \$30 juta tetapi dengan tidak adanya kerjasama, tidak ada persediaan daripada Kerajaan Negeri hingga akhir tahun ini wang \$30 juta itu tidak habis, walhal Kementerian Kewangan yang murah hati—kalau ada \$30 juta boleh minta lagi \$30 juta. Tetapi oleh sebab tidak dapat kerjasama yang begitu ikhlas daripada Kerajaan Negeri, pihak yang berkenaan, maka wang itu tidak dapat digunakan. Jadi usaha yang ini juga saya fikir patut diperhatikan oleh Kerajaan Pusat dan kalau boleh tenaga-tenaga yang mahir yang patut digunakan oleh Kerajaan Negeri itu patut dibekalkan oleh Kerajaan Pusat.

Tuan Yang di-Pertua, satu kejadian baru yang biasa berlaku. Saya bukan ahli pemborong tetapi ada kalanya satu bangunan yang dibuat sama ada bangunan Kerajaan atau separuh (semi) Kerajaan, dengan ada

mempunyai pelan yang mana pelan itu telah dihantar ke Pejabat JKR, telah disahkan oleh Majlis Tindakan Daerah, Majlis Tindakan Negeri tetapi malangnya bila bangunan itu siap, pihak Jabatan Kerja Raya tidak mengiktiraf bangunan itu. Bila tidak diiktiraf wangnya tidak dapat, bangunan itu tidak boleh digunakan. Saya beri satu contoh, sebuah bangunan Dewan Orang Ramai di bandar Tangkak—barangkali Dato Sulaiman pun tahu—memakan belanja hampir \$300,000 bangunan itu sudah tersergam dibuat, wang Kerajaan telah diberikan sebanyak mana usaha yang dibuat tetapi bilamana hendak dipindahkan bangunan itu, Jabatan JKR menyatakan bahawa bangunan itu tidak boleh diduduki, tidak boleh diakui takut roboh. Tetapi kenapa waktu hendak meluluskan pelan itu, waktu bangunan itu belum dibuat tidak difikir, tidak dikaji lebih awal? Tidakkah ini bukan sahaja merugikan pemborong-pemborong bumiputra, tetapi merugikan Kerajaan kerana kena roboh balik dan bila roboh balik kena buat peruntukan hendak buat Dewan termasuklah juga jambatan-jambatan. Misalnya jambatan yang dibuat mengikut pelan JKR, tetapi malangnya apabila air bah habis hanyut, habis duit Kerajaan, buat lagi pelan untuk jambatan itu. Jadi berapa banyak perbelanjaan Kerajaan yang tidak boleh digunakan kerana kesilapan-kesilapan ini ada kaitannya dengan Jabatan JKR yang meluluskan pelan-pelan binaan dan jalan termasuklah jambatan-jambatan yang telah dikatakan.

Setakat itulah sahaja, Tun Yang di-Pertua, pandangan-pandangan yang dapat saya berikan dan saya ucapkan terima kasih.

5.31 ptg.

Datin Paduka Rafidah Aziz: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah bangun menyokong Akta Acara Kewangan (Pindaan) 1957 dan juga memberi beberapa pandangan-pandangan dan juga penjelasan-penjelasan mengenai perkara-perkara yang berlaku di kalangan pembekal-pembekal kita yang berhak menerima bayaran-bayaran daripada Jabatan Kerajaan.

Pertamanya saya ingin menyentuh tentang soalan terakhir yang telah dibawa oleh Yang Berhormat Datuk Ahmad Arshad iaitu sama

ada surcharge akan dikenakan ini hanya melibatkan projek-projek JKR sahaja - tidak. Sebenarnya ini adalah melibatkan semua pembayaran-pembayaran yang berhak diterima oleh sesiapa juga yang ada mempunyai perjanjian ataupun peraturan-peraturan menerima bayaran sama ada daripada pihak Kerajaan Negeri atau pihak Kerajaan Persekutuan termasuklah segala badan-badan dan agensi-agensi yang diwujudkan oleh kedua-dua buah Kerajaan ini atau kedua-dua peringkat Kerajaan ini.

Yang Berhormat Senator Kamarul Ariffin telah membangkitkan keraguannya tentang bahawa surcharge ini akan dikenakan melalui Suruhanjaya-suruhanjaya yang berkaitan dalam mana pegawai itu telah dilantik. Sebenarnya surcharge itu hanya dikenakan melalui Suruhanjaya-suruhanjaya yang berkaitan oleh kerana pegawai itu telah dilantik melalui Suruhanjaya yang berkenaan. Tetapi dari segi mengesan dan memastikan bahawa ianya perlu dikenakan surcharge adalah sebenarnya dibuat melalui procedure-procedure yang sedang dan ada juga yang telah dijalankan.

Misalnya saya beri contoh dari segi Kementerian Kewangan sendiri iaitu agensi pusat yang terlibat secara langsung dengan pembayaran-pembayaran, Kementerian Kewangan telah menyediakan procedure-procedure pembayaran tertentu dan yang lengkap iaitu di bawah Arahan Perbendaharaan P. 103 dan P. 103(A) dan melalui Arahan ini pegawai-pegawai Kerajaan mestilah membayar semua bil-bil tuntutan yang dikemukakan oleh semua pihak yang berhak menerima bayaran dalam tempoh 30 hari.

Seperti saya katakan dalam ucapan saya tadi ini ada banyak yang tidak dijalankan oleh pegawai-pegawai Kerajaan, itu sebabnya kita bawa denda seperti surcharge ini. Kemudian kebelakangan ini telah disediakan satu format baru yang dipanggil Bil Daftar di mana telah dipersetujui oleh Ketua-ketua Setiausaha Kementerian dan juga pegawai-pegawai berkenaan bagi pihak negeri di mana Bil Daftar ini disediakan menunjukkan dengan tepat dan kemas peringkat-peringkat yang mana pembayaran itu terlibat pembayarannya. Bermulalah daripada tarikh dan tempat ke mana dan di mana bil itu dikemukakan untuk tuntutan, jadi melalui format atau Bil Daftar ini dapatlah kita kesan tiap-tiap peringkat dalam mana satu-satu tuntutan bil itu berjalan, pendek kata hingga

ke tarikh yang mendapat cek pembayaran. Dengan cara ini dapatlah kita kesan dengan teliti di peringkat pegawai manakah kelewatan itu telah dibuat dan apabila didapati kelewatan itu dibuat dengan sengaja, dengan tidak dapat ia memberi alasan. Tentang alasan tadi, alasan yang boleh diterima misalnya seperti ada setengah-setengah kontraktor bila membuat tuntutan tidak memberi maklumat lengkap untuk tindakan pegawai. Sepatutnya apabila membuat tuntutan tadi mestilah lengkap butir-butir yang dikehendaki, ada kalanya tidak lengkap, jadi surat-menyurat ini patut dibuat. Oleh kerana surat-menyurat ini dibuat dia pun jauh daripada pejabat itu maka kelewatan timbul. Kalau ini bolehlah kita terima bukanlah salah pegawai, tetapi salah kontraktor. Tetapi kalau sudah sampai kepada dia pada masa yang tepat dengan segala butir yang lengkap tidak diambil tindakan misalnya sengaja suruh esok datang, lusa datang tanpa apa alasan, ini memanglah tidak boleh diterima, jadi perkara-perkara ini dapat dikesan dan dengan itu bolehlah surcharge pegawai ini.

Saya inginlah memaklumkan bahawa Yang Berhormat Menteri Kewangan telahpun mengemukakan satu arahan baru di mana jika ada bayaran-bayaran atau bil-bil untuk tuntutan bayaran ini yang selepas 30 hari belum lagi diselesaikan oleh pegawai di Kementerian atau Jabatan yang berkenaan untuk bayaran ianya bolehlah menunggu dua minggu lagi, kalau sudah 30 hari belum dibayar kita sudah surcharge pegawai. Tetapi orang yang belum menerima bayaran ini boleh membawa bil ini ke bank-bank untuk didiscountkan bil-bilnya iaitu selepas dua minggu tempoh 30 hari yang kita beri kepada Jabatan membayar. Dan apa juga kos untuk mendiscountkan bil ini akan dikenakan kepada pegawai yang telah lewatkan, ini bermakna pegawai itu sudah dua kali surcharge, surcharge kerana tidak membayar dalam tempoh 30 hari dan surcharge kerana kontraktor telah terpaksa menghadapi kos kerana ia terpaksa mendiscountkan bilnya di pihak bank.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya pindaan kepada Akta Acara Kewangan ini sudah sampai masanya dibuat dan tidaklah hanya kita mengemukakan ini hanya setakat hendak menggartak ataupun kata Yang Berhormat Datuk Sulaiman tadi untuk gula-gula, tetapi pahit. Kerana ini Kerajaan sangat memandang

berat kepada perkara ini dan ini telah dirumuskan setelah ditubuhkan satu Task Force meneliti tentang punca-punca kelewatan.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator Kamarul Ariffin dalam masa-masa yang lepas telah ada 45 orang pegawai yang telah didenda bukanlah kerana lewat bayar tetapi kerana denda bayar ini baru dikemukakan, tetapi kerana denda lain-lain kesalahan di bawah Akta Acara Kewangan itu dan ada 42 lagi yang sedang dalam tindakan. Saya percaya jika didapati kelewatan pembayaran-pembayaran yang sah tidak akan teragak-agak pihak Kerajaan melaksanakan surcharge ini.

Inginlah saya mengatakan bahawa tujuan Akta ini ialah bukan hanya untuk mendenda, tetapi ini dibuat seperti saya katakan tadi serentak dengan memperkemaskan jentera Kerajaan sendiri, mengesan proses-proses pembayaran dan penerimaan baucer-baucer, jadi serentak dapatlah kita memperbaiki keadaan ini.

Yang Berhormat Raja Datuk Nong Chik, Datuk Sulaiman Ninam Shah dan Datuk Haji Ahmad Arshad ada mengatakan ada kalanya bukan sahaja Kerani suruh tunggu, tetapi ada yang minta duit dan kata Yang Berhormat Raja Datuk Nong Chik dan Datuk Sulaiman kalau diberitahu mereka takut pula jadi mangsa. Tuan Yang di-Pertua, perkara ini memang telah ada dalam perhatian pihak Kerajaan kerana kita selalu juga mendengar aduan-aduan seperti ini, tetapi malangnya setakat ini kami belum lagi menerima dengan hitam putih aduan-aduan yang mempunyai butir-butir lengkap untuk tindakan diambil. Jadi seperti kata Ahli Yang Berhormat tadi kalau kontraktor atau pembekal memberi maklumat lengkap tentang aduan menerima wang untuk disegerakan bayaran dia pula takut kena black list ini telah diberitahu kepada kami. Pada pendapat saya selagi kami tidak mendapat maklumat yang lengkap yang berasas susahlah hendak membuat apa-apa tindakan yang tegas ke atas pegawai-pegawai yang menganiyai dasar Kerajaan seperti ini. Dan saya rasa selagi pihak yang berhak menerima tuntutan ini tidak hendak tampil ke hadapan seolah-olah jugalah mereka ini bersubahat dengan pegawai-pegawai yang curang ini untuk mejalankan aktiviti menganiyai rakyat dan negara.

Saya rasa bukan sahaja bersubahat tetapi juga mereka dengan tidak sengaja menjinakkan pegawai ini untuk terus menerima bayaran bawah meja tadi. Jadi saya rasa adalah tanggungjawab kita bersama kalau kita hendak Kerajaan bersih, kita hendak kakitangan yang berdisiplin, beramanah dan jujur, perlulah kita juga menjalankan peranan kita memberikan maklumat dan tidak boleh disalahkan Kerajaan semata-mata kalau tidak diberi maklumat dengan penuh dan lengkap. Saya rasa Kerajaan akan menjamin supaya orang-orang yang berkenaan tidak diblack list atau dimangsakan oleh sesiapa juga.

Tuan Yang di-Pertua, kata Yang Berhormat Raja Datuk Nong Chik bahawa Kerajaan menanggung kerugian akibat kelewatan bayaran. Memang benar, kerana bila sengaja dilewatkan bayaran atas projek maka kontraktor menghadapi kerumitan aliran wang tunai; bila aliran wang tunainya rumit, tergendala kerja; bila tergendala kerja projek tak siap, bila projek tak siap, rancangan Kerajaan juga terencat, sekolah tak dibina, murid tak boleh masuk ke sekolah. Jadi ini memang ruginya besar kepada kita, itu sebab dibawa pindaan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dato Sulaiman Ninam Shah juga membangkitkan satu perkara mengenai yang tidak terlibat dengan ini secara langsung tetapi elok juga saya jawab, iaitu tentang 15% pembayaran pendahuluan kepada kontraktor-kontraktor. Telah dapat juga maklumat kepada pihak Kerajaan bahawa bank-bank enggan memberi bank guarantee untuk mendapatkan pendahuluan 15% ini. Saya rasa di sini pihak bank haruslah menjalankan peranan yang berkesan dalam hal ini kerana projek-projek ini adalah projek-projek Kerajaan dan seharusnya mereka tampil ke hadapan membantu melicinkan perjalanan Dasar Ekonomi Baru kita terutamanya dan membantu untuk melicinkan kerja-kerja kontrak-kontrak seperti ini dengan inisiatif sendiri memberi bank guarantee untuk membolehkan kontraktor mendapatkan bayaran 15% tadi. Ini sedang diambil perhatian yang berat oleh pihak Kementerian Kewangan.

Tadi Yang Berhormat Datuk Haji Ahmad Arshad juga membangkitkan soal bila pelan sudah siap tak diiktiraf. Saya tidaklah mengetahui dengan tepat bangunan mana

tetapi kemungkinan kadang-kadang kontraktor itu tidak membina sesuatu bangunan itu tepat dengan pelan yang asal. Tentu ada sebab mengapa JKR tidak mahu memberi kepastian pengesahan kepada bangunan itu, kadang-kadang ada dari segi keselamatan (security) bangunan di mana pembinaannya tidak menepati pelan. Pelan itu bagus diluluskan, bila sampai masa membina mungkin ada keadaan di mana tarik sana, tarik sini sedikit maka tidak menepati tepat. Jadi pihak JKR bertanggungjawab, sebagai bangunan Kerajaan bertanggungjawab supaya bangunan itu tepat macam mana yang telah dibuat dalam pelan. Saya tidak mahu memberitahu yang mana-mana tetapi kemungkinan ini berlaku, jadi elok juga ditengok kesalahan daripada dua pihak.

Saya rasa tidaklah banyak yang hendak saya sebutkan kerana semua point itu agak sama, namun demikian, inginlah saya mengulung sekali lagi bahawa pindaan kepada Akta Acara Kewangan ini adalah dibuat dengan penuh keinsafan bahawa Kerajaan sedar tentang masalah yang dihadapi oleh pembekal-pembekal, oleh kontraktor-kontraktor yang berhak menerima bayaran daripada Kerajaan dan telah kita kecam bahawa kelewatan ini ada berlaku berpunca daripada pegawai Kerajaan sendiri. Jadi itulah sebabnya dianggap perlu pegawai Kerajaan ini dikenakan denda seperti bayaran surcaj dan saya inginlah memberi jaminan bahawa ini bukanlah dibuat hanya untuk presentation sahaja tetapi adalah untuk kita memastikan bahawa projek-projek yang kita jalankan itu licin perjalanannya, tidak ada sesiapa yang teraniaya akibat tidak kejujuran dan kecurangan pihak pegawai Kerajaan sendiri.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*

Fasal 1 hingga 3 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG MAHKAMAH RENDAH (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.47 ptg.

Menteri Tak Berpotfolio (Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang bernama Akta Mahkamah Rendah (Pindaan) 1979 dibaca bagi kali yang kedua.

Rang Undang-undang ini bertujuan untuk meminda Akta Mahkamah Rendah, 1948, dengan tujuan untuk membolehkan Majistret-majistret Kelas Satu di Semenanjung Malaysia membicarakan kes-kes di bawah seksyen 392 dan 457 Kanun Keseksaan.

Sebagaimana yang kita sedia maklum pada masa ini Majistret-majistret Kelas Satu di Semenanjung Malaysia umpamanya mempunyai bidang kuasa untuk membicarakan kes-kes jenayah yang boleh di hukum penjara tidak lebih daripada 10 tahun penjara atau denda. Seksyen 392 dan seksyen 457 Kanun Keseksaan masing-masing mempunyai dua bahagian.

Bahagian Pertama—merompak membawa hukuman penjara tidak lebih daripada 10 tahun.

Bahagian Kedua—merompak di waktu malam hari membawa hukuman penjara sehingga 14 tahun penjara.

Ini bererti pada masa ini kesalahan di bawah Bahagian Pertama seksyen tersebut boleh dibicarakan oleh Majistret Kelas Satu, manakala kesalahan di bawah Bahagian Kedua seksyen yang sama hanya boleh dibicarakan oleh Yang di-Pertua Mahkamah Sesyen.

Demikian juga seksyen 457, Bahagian Pertama—menceroboh masuk rumah atau pecah rumah pada malam hari dengan tujuan untuk melakukan apa-apa kesalahan yang boleh dihukum penjara membawa hukuman penjara tidak melebihi 5 tahun dan oleh itu boleh dibicarakan oleh Majistret Kelas Satu.

Manakala Bahagian Kedua—menceroboh masuk rumah atau pecah rumah pada malam hari dengan tujuan untuk mencuri boleh di hukum penjara sehingga 14 tahun dan oleh itu hanya boleh dibicarakan oleh Yang di-Pertua Mahkamah Sesyen.

Oleh sebab Mahkamah-mahkamah Sesyen hanya terdapat di ibu sebuah-buah negeri atau di bandar-bandar besar sahaja dan tidak di tiap-tiap daerah seperti Mahkamah Majistret, maka hal ini telah menimbulkan beberapa kesulitan kepada pihak polis dan orang awam.

Sebenarnya memberi bidang kuasa kepada Majistret Kelas Satu untuk membicarakan semua kes-kes di bawah dua seksyen ini tidaklah akan menimbulkan apa-apa masalah undang-undang kepada Majistret-majistret tersebut kerana perbezaan di antara kesalahan-kesalahan di bawah Bahagian Pertama dan Bahagian Kedua seksyen-seksyen tersebut hanyalah amat sedikit.

Di bawah seksyen 392 sama ada kesalahan itu dilakukan di waktu siang hari atau di waktu malam manakala di bawah seksyen 457 ialah sama ada tujuannya itu untuk mencuri atau untuk melakukan kesalahan-kesalahan lain yang boleh dihukum penjara.

Selain daripada itu, dengan memasukkan kes-kes di bawah seksyen-seksyen tersebut di bawah bidang kuasa Majistret Kelas Satu tidaklah akan menambah bilangan kes-kes di Mahkamah Majistret dengan banyak kerana bilangan kes-kes tersebut adalah tidak banyak dan juga kerana bilangan Mahkamah-mahkamah Majistret adalah lebih banyak dibandingkan dengan bilangan Mahkamah-mahkamah Sesyen. Malah dengan pindaan ini kes-kes tersebut akan dapat dibicarakan dengan lebih segera dan akan mengurangkan perbelanjaan di samping mengurangkan kesulitan pihak polis dan orang awam dan melicinkan lagi pentadbiran undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Law Hieng Ding: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Akta Mahkamah Rendah (Pindaan) dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

5.53 *ptg.*

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Rang Undang-undang yang ada di hadapan kita ini.

Saya tidak berhajat bercakap banyak perkara, saya tujukan satu tajuk sahaja iaitu saya menyokong kuasa-kuasa ini diberikan kepada Majistret Kelas Satu sepertimana yang diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri. Cuma yang saya minta tidakkah boleh Mahkamah-mahkamah Rendah kita ini menggunakan Bahasa Kebangsaan waktu menjalankan pembicaraan, daulatkanlah Bahasa Malaysia ini di mahkamah.

Kita sudah merdeka 20 tahun, kenapa kita masih terus menggunakan bahasa Inggeris sama ada di Mahkamah Rendah termasuklah Mahkamah-mahkamah Tinggi. Dengan keadaan ini, Tuan Yang di-Pertua, kalau kita kata Bahasa Malaysia ini belum boleh didaulatkan dalam bahasa mahkamah, saya minta Kerajaan membuat satu kajian supaya hakim-hakim dan peguam-peguam dalam negeri kita ini dapat diberikan satu peruntukan dari semasa ke semasa yang boleh menggunakan perbicaraan itu, pembelanya itu dalam Bahasa Malaysia.

Kalau di Indonesia dahulu menggunakan bahasa Belanda kenapa di Malaysia ini tidak boleh. Pada masa sekarang di Indonesia telah menggunakan bahasa Indonesia, kenapa kita tidak boleh buat di Malaysia. Itu sahaja harapan saya, Tuan Yang di-Pertua, seberapa yang boleh Kerajaan adakan satu kajian dengan menggunakan, dengan mendaulatkan Bahasa Malaysia dalam pembicaraan di mahkamah di tanahair kita.

5.55 *ptg.*

Tuan Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya juga mohon hendak bercakap sedikit dalam perkara pindaan Undang-undang ini.

Saya adalah menyokong pindaan yang diutarakan di sini, tetapi sebelum daripada itu saya suka hendak menyentuhkan sedikit kuasa Parlimen ini membuat undang-undang berhubung dengan mahkamah termasuklah juga Mahkamah-mahkamah Syariah.

Di dalam perkara meminda Akta Mahkamah Rendah ataupun Mahkamah Tinggi, maka perkara itu kerap kali dibawa ke sini untuk dipinda. Maka sekarang ini di hadapan kita Akta yang hendak dipinda ini iaitu hendak diberikan kuasa lebih kepada Majistret supaya boleh membicarakan kesalahan yang ditetapkan kepadanya, kesalahan 10 tahun sampai kepada 14 tahun iaitu ditambahkan lagi dengan alasan sebagaimana yang dikatakan oleh pihak Kementerian tadi iaitu Mahkamah Majistret ini ada di serata-rata tempat dan jajahan, manakala Mahkamah Sesyen dan Mahkamah Besar atau Mahkamah Tinggi itu ada di ibu-ibu negeri sahaja. Jadi ini adalah mendatangkan kesusahan kepada rakyat negeri ini hendak menjalankan perbicaraannya. Maka ini adalah satu alasan yang sangat baik dan sangat lojik.

Saya menarik pandangan Dewan ini kepada Mahkamah-mahkamah Syariah yang juga kuasanya diberi oleh Parlimen ini. Mengikut Mahkamah Syariah undang-undang itu ialah dibuat oleh Dewan Undangan Negeri masing-masing, tetapi Mahkamah-mahkamah Syariah itu dan juga kadi-kadi ini tidak boleh membicarakan kesalahan-kesalahan selain daripada apa yang ditetapkan oleh Dewan Parlimen ini. Maka sebagaimana yang kita sudah tahu apa yang diberi oleh Parlimen ini kepada Dewan Undangan Negeri hanyalah setakat boleh mendenda, sesebuah Mahkamah Syariah biasa ataupun seorang kadi biasa boleh mendenda setakat tiga bulan sahaja—kesalahan tiga bulan, manakala Kadi Besar ataupun Mahkamah Syariah besarnya boleh mendenda sampai 6 bulan dalam perkara jenayah. Kalau kita dipadukan begini sangatlah jauh sekali.

Seorang Majistret Kelas Satu yang gajinya tidak ada beza dengan seorang kadi ataupun Kadi Besar; tidak ada bezanya dengan seorang Pemungut Hasil Tanah ataupun Collector of Land Revenue, tetapi kuasa dia di dalam perkara jenayah ini daripada 10 tahun diangkat lagi menjadi 14 tahun, manakala kadi-kadi yang juga gajinya lebihkurang, tarafnya lebihkurang juga kuasanya 3 bulan sahaja boleh membicarakan itu. Ini selamalamanya tidak ada dibuat pindaan lagi. Manakala Kadi-kadi Besar hanya setakat 6 bulan. Inilah kuasa yang diberi oleh Parlimen ini kepada Dewan Undangan Negeri.

Tetapi kalau kita tengok dalam perkara malnya pula, civil berlainan pula, perkara Mahkamah Syariah boleh membicarakan harta sepencarian misalnya tidak ada had—tidak ada limit, sampai \$100,000 pun boleh, tetapi itu Kadi Besar sahaja boleh membicarakan. Kadi biasa boleh membicarakan setakat \$1,000 sahaja.

Di dalam Mahkamah Majistret pula Majistret hanya boleh membicarakan perkara civilnya barangkali kalau tidak salah saya dalam \$10,000 tetapi Pemungut Hasil Tanah (Collector of Land Revenue) boleh membicarakan perkara-perkara kecil sampai \$50,000. Di dalam perkara ini tidak ada perseimbangan di antara seorang Collector of Land Revenue dengan seorang Majistret, seorang kadi di dalam negara kita ini. Jadi inilah yang saya kemukakan perkara ini di dalam Parlimen ini supaya perkara-perkara yang seumpama ini dapat diperbetulkan, janganlah apakala kita nampak misalnya kerumitan ini berlaku kepada Majistret sahaja, maka dengan sebab hendak menyelesaikan kerumitan-kerumitan ini maka patutlah kuasa Majistret ini ditambahkan daripada pembicaraannya yang boleh menjatuhkan hukum 10 tahun naik kepada 14 tahun lagi, tetapi kita lupa kepada sebahagian yang lain yang juga Parlimen ini ada kuasa, kenapa tidak diangkat kuasa dia.

Yang kedua, saya menyokong sebagaimana yang dikatakan oleh Yang Berhormat Datuk Ahmad Arshad tadi berkenaan dengan bahasa. Kita sudah merdeka lebih daripada 21 tahun—ini perkara adalah perkara yang ajaib sekali di dalam sebuah negara seperti Malaysia. Adakah masalah di dalam Mahkamah Majistret ini? Saya tak tahulah di dalam mahkamah besar, jika hendak kita rujuk undang-undang boleh jadi barangkali undang-undang itu kita gunakan undang-undang yang sangat besar, Undang-undang England, undang-undang India seperti Ameer Ali umpamanya, maka tak boleh hendak diterjemahkan di dalam Bahasa Melayu, tetapi Mahkamah Majistret apakah ada kerumitan? Sampai 21 tahun merdeka, kita masih menggunakan bahasa asing. Perkara ini bertambah anih lagi kepada orang-orang yang mengikuti perbicaraan dalam negara kita iaitu pada masa sebelum Perang Dunia II, semasa negara kita belum merdeka dan semasa negara kita bernama Tanah Melayu maka negeri-negeri FMS sahaja yang menggunakan bahasa Inggeris

dalam perbicaraannya tetapi negeri-negeri yang bukan FMS seumpama Trengganu, Kelantan, Johor dan Perlis semuanya menjalankan perbicaraan dalam Bahasa Melayu dengan tak ada canggung, daripada Mahkamah Majistret sampai ke Mahkamah Tinggi. Sampai ada kuasa menjatuhkan hukuman bunuh, gantung orang, semua sekali dijalankan dalam Bahasa Melayu—tak ada apa masalah dan ianya berjalan terus tetapi apakala kita merdeka, baru kita katakan tak boleh demi kerana hendak memelihara keadilan dan sebagainya. Demi apa sebenarnya, saya tak faham. Apa yang saya tahu sebelum perang dahulu, perbicaraan sudah berjalan dalam Bahasa Melayu. Kenapa sekarang tak boleh berjalan? Itu soalnya, dua perkara yang saya timbulkan.

Kemudian timbul lagi perkara yang lain berkenaan dengan pakaian dan bermacam-macam lagi. Maknanya sampai sekarang, walaupun kita sudah merdeka, belum ada lagi pakaian-pakaian rasmi untuk kita kembali kepada pakaian tradisional kita. Jadi ini semua patut diputuskan. Dalam mengemukakan akta seumpama ini, patutlah ianya mengandungi lengkap semua sekali daripada segala masalah supaya dapat dipertimbangkan dan bolehlah Ahli-ahli Parlimen ini mempertimbangkan masalah tersebut dengan menyeluruh. Hanya sekian, Tuan Yang di-Pertua.

6.04 ptg.

Tan Sri Datuk Abdul Razak bin Haji Husain: Tuan Yang Pertua, saya turut mengambil bahagian pada petang ini dengan menyentuh satu dua perkara secara ringkas sahaja.

Pertama, saya ingin bercakap mengenai masalah tiada persamaan dalam satu Kerajaan Malaysia iaitu dengan adanya undang-undang yang berbeza-beza. Kita luluskan undang-undang pada petang ini ialah hanya ditujukan kepada mahkamah-mahkamah yang ada di Malaysia iaitu di Semenanjung, tidak meliputi Sabah dan Sarawak. Jadi cara penyelarasan kita, penyelarasan mahkamah sendiri sudah bertingkat-tingkat. Sepatutnya dalam masa dan Kerajaan yang sama atau negara yang sama, bila ada satu undang-undang, hendaklah undang-undang itu meliputi semua negara dan saya tidak tahu mengapa kejadian ini masih berlaku, walaupun ada unsur-unsur daripada jabatan lain

menyamakan, menyelaraskan, tetapi ini satu faktor yang terang bahawasanya undang-undang ini cuma ditunjukkan kepada Semenanjung, tidak berkuatkuasa di Sabah dan Sarawak dan saya mohon penjelasan Menteri atas masalah ini. Dan kalau sekiranya boleh dibaiki penyelarasan itu perlu dibuat, sebab soal undang-undang dan sekolah undang-undang adalah melalui satu proses yang sama.

Yang kedua, apabila kita naikkan Majistret Kelas Satu boleh menghukum daripada 10 tahun kepada 14 tahun, ini bermakna tanggungjawabnya telah dilebihkan. Bukan sahaja tanggungjawab kepada Kerajaan tetapi tanggungjawab kepada Tuhan juga dilebihkan. Maka Kerajaan perlu berfikir jikalau masalah ini kita laksanakan maka satu cara penyamaan atau tuntutan mungkin berlaku daripada perkara yang berkaitan atau berhubung dengan kelebihan-kelebihan saraan.

Yang ketiga, saya mengemukakan pandangan ini, tidakkah Kerajaan berfikir ada perbezaan kelas-kelas Majistret dalam negara kita ini apabila undang-undang itu tidak diselaraskan iaitu kuatkuasa ataupun keupayaan Majistret di Sabah dan Sarawak cuma boleh menghukum sampai 10 tahun sahaja. Sedangkan Majistret Kelas Satu di Semenanjung boleh menghukum sehingga kepada 14 tahun dan ini akan menampakkan dengan secara tidak langsung perbezaan tanggungjawab dan perbezaan penyelarasan yang tidak sama.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya duduk, saya ingin mengucapkan tahniah atas usaha yang baik ini, kerana hendak menyelesaikan banyak masalah kes-kes yang sekarang ini tidak dapat dijalankan. Dengan lulusnya Bil ini maka bolehlah kes itu dilaksanakan oleh sebahagian daripada mahkamah kita ini, kepada Majistret Kelas Satu. Dengan ini saya mengucapkan sokongan saya, Tuan Yang di-Pertua.

6.07 ptg.

Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu izinkan saya mengucapkan berbilang terima kasih kepada tiga orang Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah bangun di Dewan ini mengemukakan pendapat masing-masing mengenai dengan Rang Undang-undang yang saya kemukakan ini.

Mengenai dengan perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Datuk Haji Ahmad Arshad berhubung dengan penggunaan Bahasa Kebangsaan di mahkamah-mahkamah, ini adalah satu perkara yang memang sudah dalam perhatian Kerajaan. Kita bersetuju dan sepatutnyalah Bahasa Kebangsaan kita digunakan seberapa banyak yang boleh di mahkamah-mahkamah terutama sekali Mahkamah-mahkamah Rendah untuk membolehkan masyarakat kita mengikuti perbicaraan di mahkamah-mahkamah. Selain daripada itu sememangnya pada masa ini mahkamah juga mempunyai penterjemah-penterjemah dan saya rasa bagi para hakim perkara ini tidaklah amat rumitkan. Apa yang barangkali berlaku ialah perkara-perkara di mahkamah itu di mana ianya ada kaitan dengan rujukan atau reference kepada sesuatu perkara yang khas. Saya rasa jika ini berlaku, barangkali penggunaan bahasa Inggeris mungkin masih dapat dilaksanakan dari masa ke semasa.

Saya inginlah memberi jaminan kepada Ahli Yang Berhormat itu bahawa Kerajaan hari ini berusaha bersungguh-sungguh untuk memastikan bahawa Bahasa Kebangsaan kita digunakan dengan seluas-luasnya seberapa yang boleh terutama sekali di peringkat Mahkamah Rendah. Kerajaan akan memberi arahan-arahan kepada pihak yang berkenaan supaya hasrat ini dapat dilaksanakan.

Perkara yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Mahmoud Salim iaitu mengenai dengan Mahkamah Syariah kata beliau, "masih mempunyai kuasa yang rendah jika dibandingkan dengan Mahkamah Majistret", ingin saya mengambil perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa Mahkamah Syariah adalah merupakan satu mahkamah yang berasingan dengan Mahkamah Majistret ini. Kerana di dalam masyarakat kita ini mempunyai beberapa jenis undang-undang seperti undang-undang common law, undang-undang personal law yang mana berbeza sedikit antara satu dengan lain.

Maka dengan hal itu, Mahkamah Syariah ini jikalau dikaji oleh Kerajaan hendaklah juga mengambil kira perkara-perkara yang berkaitan dengan ugama yang mana ianya sebelum kita dapat mengambil tindakan untuk memindanya kita haruslah mengkaji dengan lebih mendalam mengenai perkara ini.

Juga mengenai dengan ugama ini ada kaitannya dengan Kerajaan Negeri atau Majlis Ugama di negeri-negeri, maka dengan itu tentulah pihak-pihak yang berkenaan juga ingin mengambil bahagian apabila Mahkamah Syariah ini dikaji dari segi kuasa dan sebagainya di masa akan datang. Oleh yang demikian, saya ingin memberi pengakuan perkara ini akan dikaji oleh Kerajaan dan apabila sudah sampai masanya dan apabila kajian-kajian yang mendalam dan sesuai telah dijalankan saya rasa tentulah Dewan ini nanti akan diminta untuk meluluskan pindaan-pindaan itu apabila sudah sampai masanya.

Perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tan Sri Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Husain iaitu undang-undang yang saya bawa dalam Dewan pada petang ini nampaknya terbatas kepada Semenanjung Malaysia sahaja dan mengapa pula tidak diperluaskan ke negeri Sabah dan Sarawak walhal kedua-dua negeri ini adalah sebahagian daripada negara kita Malaysia. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu bahawa undang-undang ini akan diperluaskan di Sabah tidak berapa lama lagi dan sebelum ianya diperluaskan di Sabah, di Sabah dan Sarawak adalah mempunyai kod dan ordinan yang bersendirian yang mana saya rasa ini telah berlaku sejak dahulu lagi mengikut peraturan ataupun undang-undang ataupun Perlembagaan kita. Namun demikian, seperti saya katakan tadi Kerajaan akan mengkaji perkara ini dan kita akan memperluaskan undang-undang ini untuk meliputi kedua-dua negeri Sabah dan Sarawak.

Juga disebutkan tadi mengenai dengan tanggungjawab Majistret telah bertambah dan mungkin mereka akan menuntut saraan yang lebih. Saya rasa ini akan dapat kita kaji apabila sudah sampai masanya nanti apabila mereka membuat tuntutan. Tetapi seperti saya terangkan tadi, ini tidaklah menambah sangat kerja-kerja kepada Majistret yang berkenaan kerana perbicaraan itu boleh dikatakan perbicaraan yang tidak besar dan mungkin dapat dijalankan sekali jikalau ianya merupakan perbicaraan yang sama. Apa yang perlu dan tujuan kita membentangkan undang-undang ini ialah supaya Mahkamah Majistret yang berkenaan mempunyai kuasa yang lebih untuk mempercepatkan perbicaraan dan juga menjimatkan perbelanjaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa sekian sahaja. Terima kasih.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 dan 2 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PERBADANAN KEMAJUAN KRAFTANGAN MALAYSIA 1979

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

6.16 ptg.

Menteri Perusahaan Awam (Dato' Abdul Manan bin Othman): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan Rang Undang-undang Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia 1979 bagi menubuhkan Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan Rang Undang-undang ini ialah untuk menaikkan taraf Lembaga Kraftangan daripada anak perbadanan MARA kepada Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia. Dengan ini MARA akan terus menumpukan kegiatannya di dalam bidang pembangunan usahawan dan semua aspek kraftangan khususnya dikendalikan oleh Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia ini.

Dengan penubuhan Perbadanan Kemajuan Kraftangan ini adalah dipercayai ianya akan mengembangkan lagi aktiviti kraftangan dan memberi nafas baru terhadap aktiviti-aktiviti ini supaya ianya tidak lagi menjadi aktiviti-aktiviti sambilan di masa-masa lapang sahaja tetapi sebagai satu kegiatan ekonomi yang boleh menampung kehidupan rakyat. Dengan

langkah ini juga Perbadanan dapat mengenalkan teknologi yang simple dan memperbagikan penggunaan bahan-bahan mentah. Perbadanan nanti akan berusaha membuat penyelidikan dan Pusat-pusat Kemajuan akan diperbesar untuk memberi tunjuk ajar berkenaan apa-apa perubahan di dalam perkembangan kraftangan ini.

Perkembangan aktiviti kraftangan sebagai satu langkah untuk menghapuskan kemiskinan dan menaikkan taraf hidup adalah begitu ketara lagi jika kita ambil kiraan bahawa pada ketika ini dalam perusahaan perak dan tembaga sahaja ada seramai 10,000 orang pekerja dan mereka ini juga menyara hidup 30,000 orang keluarga mereka. Perlu dinyatakan ada lebih kurang 7,000 orang yang terlibat secara langsung dengan aktiviti anyaman dan tenunan. Dengan wujudnya Perbadanan Kemajuan Kraftangan Kerajaan berharap akan memberi nafas baru kepada pengusaha-pengusaha kraftangan di mana sumber-sumber bahan dan tenaga akan dapat digunakan dengan lebih teratur dan produktif. Perbadanan akan menumpukan sepenuh usahanya ke arah:

- (i) Memaju, menggiat dan memulihkan kemahiran dan pertukangan tradisional
- (ii) Memaju dan memelihara standard hasil-hasil kraftangan dengan cara penyelidikan dan nasihat.
- (iii) Membantu pengusaha-pengusaha kraftangan ke arah penggunaan cara-cara moden atas pengeluaran serta pemasaran.
- (iv) Meninggi dan membaiki kualiti keluaran-keluaran kraftangan untuk pasaran tempatan dan luar negeri.
- (v) Memajukan pemasaran dan eksport keluaran kraftangan.

Dalam usaha memberi khidmat memajukan pemasaran, Perbadanan ini akan memberi tumpuan kepada "Penggalakan Pengeluaran", Penentuan Had Pengeluaran mewujudkan "Rancangan serta strategi Pemasaran" serta "Pelesenan dan Persijilan".

Dalam kegiatan Perbadanan untuk mengembangkan dan memperkayakan hasil kraftangan, tumpuan akan diberi terhadap aspek-aspek rekaan dan perubahan teknik-teknik pembuatan serta tinjauan terhadap pengawalan rekaan supaya dapat diwujudkan rekaan-rekaan yang berunsur dan berasaskan

kesenian dan kebudayaan kita. Dari segi mutu pula Perbadanan akan mewujudkan satu atur cara kawalan supaya mutu hasil kraftangan negara sentiasa diawasi dan ini akan diselenggarakan melalui pelesenan persijilan terhadap penggunaan logo Perbadanan sebagai penerimaan mutu keaslian keluaran barang-barang kraftangan. Saya percaya "certification" atau persijilan yang akan dijalankan oleh Perbadanan ini nanti akan menjamin mutu dan nilai hasil-hasil kraftangan dan merupakan satu langkah lagi dalam usaha memperkembangkan kraftangan. Seterusnya pula Perbadanan Kemajuan Kraftangan akan melipat-gandakan lagi usaha memperkenalkan hasil keluaran kraftangan di negara-negara luar melalui rancangan galakannya. Aktiviti-aktiviti Pusat Pameran yang sedia ada akan terus ditambah dan Perbadanan sendiri akan menyertai pameran-pameran di luar negeri untuk mengenalkan barang-barang kraftangan buatan Malaysia. Dengan galakan-galakan yang dijalankan oleh pihak Perbadanan, dapatlah mutu hasil kraftangan ditentukan sesuai dengan kehendak pasaran luar negeri dan juga hanya kraftangan yang tulin sahaja dipasarkan.

Berhubung dengan rancangan hendak mengadakan program-program latihan, perkembangan industri kraftangan ini akan membuka peluang pekerjaan kepada anak-anak muda di mana mereka dilatih di dalam kemahiran tertentu yang kemudiannya menjadi satu sumber mata pencarian kepada mereka. Proses ini selanjutnya menolong membangunkan pengusaha-pengusaha kecil dan dengan sendirinya boleh memperluaskan perindustrian di luar-luar bandar.

Dengan kerjasama pengusaha-pengusaha kraftangan serta agensi-agensi yang terlibat secara langsung atau tidak langsung yang akan diselarasakan oleh Perbadanan kelak segala objektif dan hasrat yang terkandung di dalam Rang Undang-undang ini akan berhasil.

Di dalam usaha untuk membangunkan semula kraftangan ini ingin saya memberi jaminan kepada Dewan ini bahawa Perbadanan tidak sekali-kali akan mengeneipkan unsur-unsur kebudayaan dan kesenian yang sememangnya dikaitkan selama ini dengan perusahaan kraftangan. Nilai-nilai ini akan sentiasa diambil kira oleh Perbadanan di dalam perancangan, perlaksanaannya untuk meninggi, membangun dan mengembangkan perusahaan kraftangan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mendedahkan.

Tuan Law Hieng Ding: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Akta Perbadanan Kraftangan Malaysia dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahaskan.

Datuk Dr Wee Khoon Hock.

6.24 ptg.

Datuk Dr Wee Khoon Hock: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun bagi menyokong dengan sepenuhnya Rang Undang-undang Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia 1979 yang bertujuan mengubah taraf Lembaga Kraftangan Malaysia dari taraf Perbadanan Majlis Amanah Rakyat kepada taraf Perbadanan atas sifatnya sendiri dengan nama baharu Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia.

Pada masa kebudayaan dan tradisi yang beransur-ansur dikikis oleh bermacam-macam pengaruh barat yang tidak diinginkan khususnya di kalangan generasi muda memelihara taraf kebudayaan dan tradisi nasional dan menggiat dan memulih kemahiran dan pertukangan tradisional seperti yang disebutkan dalam Fasal 7 (1) dalam Rang Undang-undang ini telah menjadi satu perkara yang amat penting untuk menghindarkan generasi yang akan datang melupakan asal-usulnya.

Di negeri Kelantan beribu-ribu rakyat sebahagian besarnya orang muda telah pergi ke Singapura untuk bekerja dengan upah yang lebih tinggi termasuk pekerja batik yang mahir. Masalah kekurangan bahan kain putih dan benang di Kelantan telah menghalang perkembangan perusahaan batik di negeri itu dan menyebabkan pekerja batik yang mahir pindah ke Singapura dan lain-lain negeri bekerja dalam faktori-faktori yang lebih progresif. Ini satu contoh di mana Perbadanan Kemajuan Kraftangan dapat memberi segala pertolongan dan galakan.

Tuan Yang di-Pertua, pembuatan kain songket Kelantan adalah satu perusahaan rumah (cottage industry) yang sangat termasyhur bukan sahaja di Malaysia bahkan juga di antara pelancung-pelancung asing atau antarabangsa. Kekurangan dan kemahalan bahan-bahan seperti benang mas dan benang perak sedang menjadi satu masalah yang sulit walaupun perusahaan ini masih berperingkat cottage industry tetapi oleh kerana potensi pasaran luar negeri sangat baik, saya berharap dan juga yakin pihak Perbadanan akan mengambil berat atas perkembangan perusahaan ini dan merancang serta melaksanakan latihan menenun kain songket, membantu mengatasi segala kesulitan yang dihadapi oleh pengusaha itu dan mengkaji pasaran luar dan dalam Malaysia selepas Perbadanan ditubuhkan di bawah Akta ini dengan cukup kuasa dan dengan organisasinya yang lebih lengkap dan sempurna pada masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, kraftangan yang wujud dalam negara kita, khususnya di pantai Timur dan juga di negeri Sabah dan Sarawak seperti kain songket, kain batik, kraf perak dan mas, perabut rumah buatan kayu dan buluh yang bahan berjenis-jenis begitu banyak. Barang-barang berukir kraf tembaga, tikar yang halus dan berwarna-warni tidak ketinggalan patung wayang kulit dan wau bulan buatan negeri Kelantan. Kraftangan dari semua lapisan rakyat Malaysia kebanyakannya boleh dikatakan karya seni dan berdarjahkan seni keindahan akan menjadikan satu tanggungjawab Perbadanan ini untuk mengkaji, menyelidik, memulih, menggiat, memaju dan memperkembangkannya khasnya mendapatkan hasil pengeluaran untuk pasaran di dalam dan di luar negeri. Pada jangka panjang ini akan membantu Kerajaan dalam usaha menambahkan peluang pekerjaan di samping meningkatkan pendapatan rakyat dan Kerajaan dan memperindahkan lagi seni kebudayaan negara Malaysia kita. Sekianlah sahaja.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sekarang hingga pukul 2.30 petang hari esok, 10hb Julai, 1979.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.